

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

1. Apakah status terkini perancangan Kerajaan Negeri di atas tanah Lot 9117 dan Lot 20113, Mukim 13, Daerah Timur Laut (DTL)?
  - a) Adakah tanah tersebut akan dibangunkan dengan 419 unit Rumah Mampu Milik (RMM) C3 serta unit komersial yang meliputi kemudahan awam seperti yang dinyatakan dalam jawapan DUN pada 4 November 2022?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Lot 9117 dan Lot 20113, Mukim 13, Daerah Timur Laut merupakan tanah yang didaftarkan atas nama *State Secretary, Penang Incorporation* (SSI). Tanah ini akan dibangunkan dengan komponen perumahan mampu milik (RMM), unit komersial berserta kemudahan awam. Terkini, SSI (bagi pihak Kerajaan Negeri), Hamna Sdn. Bhd. dan Citra Hartamas Sdn. Bhd. (pemaju) di peringkat menandatangani *Tripartite Agreement* bagi tujuan pelaksanaan projek pembangunan tersebut. Pihak pemaju juga sedang dalam proses mengemukakan permohonan Pelan Kebenaran Merancang kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan.
  - a) Komponen pembangunan yang akan dilaksanakan di atas lot tanah tersebut masih kekal sama sepertimana jawapan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri pada 4 November 2022 iaitu 419 unit RMM C3 dan unit komersial berserta kemudahan awam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

2. Nyatakan status terkini projek pembangunan di Pulau Jerejak.
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri atau pihak swasta mempunyai hasrat untuk menjadikan tempat tersebut sebagai taman tema?
  - (b) Berikan manfaat mengenai projek yang telah dirancang untuk penduduk di sekitar.
  - (c) Apakah status Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Laporan Traffic Impact projek tersebut?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

2. Status terkini projek pembangunan di Pulau Jerejak adalah dalam peringkat kelulusan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

- (a) **Hasrat untuk Menjadikan Pulau Jerejak sebagai Taman Tema**

Pada masa ini, tiada sebarang cadangan rasmi daripada Kerajaan Negeri atau pihak swasta untuk menjadikan Pulau Jerejak sebagai taman tema. Projek yang dicadangkan lebih menekankan kepada pembangunan bercampur yang melibatkan pelbagai komponen bagi memenuhi keperluan ekonomi dan sosial.

- (b) **Manfaat Projek Untuk Penduduk Sekitar**

Projek ini dijangka memberi pelbagai manfaat kepada penduduk sekitar termasuk mewujudkan peluang pekerjaan baharu,

merancakkan ekonomi setempat serta meningkatkan infrastruktur yang boleh dimanfaatkan oleh komuniti setempat. Pembangunan ini juga dirancang agar sejajar dengan prinsip kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial bagi memastikan kepentingan masyarakat sekitar terpelihara.

(c) **Status Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Laporan Traffic Impact**

Laporan EIA untuk "*Proposed Mixed Development at Pulau Jerejak and Proposed Bridge Linking Pulau Jerejak to Pulau Pinang*" telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang pada 26 Julai 2018, melalui surat nombor rujukan: AS(B)P50/013/500/015 Jld.6(3) dengan kelulusan lanjut yang diberikan adalah sehingga 26 Januari 2024. Laporan Environmental Management Plan (EMP) bagi cadangan jambatan tersebut juga telah diperakui pada 27 Mei 2019.

Dengan adanya permohonan baharu oleh pihak pemaju, kajian semula bagi Social Impact Assessment (SIA) dan Environmental Impact Assessment (EIA) perlu dijalankan semula untuk mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC). Kajian baharu ini akan mengenal pasti tindakan mitigasi dan langkah-langkah untuk menangani isu sosial serta persekitaran di setiap peringkat perancangan, pembinaan, dan operasi projek.

Sebarang pindaan terhadap Pelan Induk atau Pelan Kebenaran Merancang akan melalui proses penilaian menyeluruh, melibatkan pihak berkepentingan serta agensi teknikal yang berkaitan. Pendekatan ini bertujuan memastikan pembangunan yang dicadangkan tidak menimbulkan kesan negatif kepada persekitaran, ekonomi, dan sosial penduduk sekitar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

3. Senaraikan projek-projek di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIPPP).
- (a) Apakah status terkini projek-projek tersebut?
  - (b) Nyatakan jumlah kos bagi pembinaan dan modal pembiayaan yang digunakan.
  - (c) Bilakah projek Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam akan siap sepenuhnya?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Projek *Penang Transport Master Plan* (PTMP) merupakan strategi pengangkutan jangka masa panjang bagi negeri Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan secara berfasa.

Komponen-komponen yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) adalah seperti berikut:

- (i) LRT Pulau Pinang (kini dikenali sebagai Laluan Mutiara);
- (ii) Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL1);
- (iii) Pan Island Link 2A (PIL2A);
- (iv) Projek jalan-jalan utama dan laluan ke-3 (terowong dasar laut);
- (v) Laluan trem;

- (vi) Laluan Ayer Itam dan Tanjung Tokong;
  - (vii) Laluan Raja Uda – Bukit Mertajam & Permatang Tinggi – Batu Kawan;
  - (viii) Penambahbaikan persimpangan Lebuhraya Butterworth – Kulim (BKE); dan
  - (ix) Penambahbaikan persimpangan Juru.
- (a) Sehingga kini, komponen PTMP yang akan/sedang dilaksana adalah:
- (i) Laluan Mutiara kini telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan dilaksana oleh MRT Corporation, sebuah syarikat milik Minister of Finance Incorporated.;
  - (ii) Pembinaan PIL2A yang menghubungkan Batu Maung dengan Silicon Island kini di fasa pengambilan balik tanah;
  - (iii) Jalan Pintasan Ayer Itam – Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu (juga dikenali sebagai Pakej 2 dalam projek jalan-jalan utama dan laluan ke-3) kini dalam fasa pembinaan dengan kemajuan kerja sebanyak 61% yang dijangka siap pada Oktober 2026.

PTMP menggariskan perkara-perkara strategik yang perlu dikaji dan diperincikan mengikut fasa pelaksanaan yang akan ditentukan kelak. Kajian tersebut akan mengambil kira perubahan semasa dari segi keperluan dan juga teknologi terkini sewaktu tempoh pelaksanaan nanti. Justeru, komponen-komponen yang lain masih dalam tahap cadangan dan tertakluk kepada kajian semula serta kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan kelak.

- (b) Kos pembinaan Laluan Mutiara dianggarkan sebanyak RM10 bilion berdasarkan pengumuman Belanjawan 2024 pada Oktober 2023 yang lalu. Kos ini akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan yang telah mengambil alih pelaksanaan projek LRT Pulau Pinang sejak Mac 2024 yang lalu.

Kos pembinaan PIL2A sebanyak RM600 juta adalah sebahagian daripada kos projek Silicon Island yang ditanggung oleh pemaju Silicon Island Development Sdn Bhd.

Kos pembinaan Pakej 2 dianggarkan RM851 juta yang dilaksanakan oleh kontraktor Consortium Zenith Construction Sdn Bhd. (CZC) ditanggung oleh Kerajaan Negeri secara kaedah pembermilikan tanah (*land alienation*).

- (c) Status terkini projek Pakej 2 adalah dalam peringkat pembinaan dengan kemajuan kerja sebanyak 61% seperti yang dijadualkan dan dijangka siap pada Oktober 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

4. Pulau Pinang merupakan destinasi utama bagi pelabur domestik dan asing.
- (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam pewujudan tanah baharu untuk menyediakan kawasan perusahaan dan perindustrian?
  - (b) Apakah pelan jangka pendek dan jangka panjang untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur?
  - (c) Nyatakan tindakan atau program yang dibuat bagi mengekalkan bakat tempatan.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

4. (a) Sektor perindustrian telah menjadi tonggak utama kepada pembangunan ekonomi di Pulau Pinang. Oleh itu, bagi memastikan penawaran tanah perindustrian sentiasa mencukupi, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) giat membangunkan tiga (3) kawasan perindustrian baharu di daerah Seberang Perai Selatan iaitu *Bandar Cassia Technology Park* (BCTP) seluas 313 ekar, *Batu Kawan Industrial Park 3* (BKIP3) seluas 417 ekar dan *Penang Science Park South* (PSPS) seluas 117 ekar.
- (b) Pelan jangka pendek untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur adalah:

- (i) Melaksanakan kerja penyelenggaraan dan pembaikan segera demi memastikan infrastruktur jalan dan jambatan selamat diguna pakai oleh orang awam;
- (ii) Penyelenggaraan dan pembersihan sistem saliran dan perparitan dipertingkatkan bagi mengelak bencana banjir;
- (iii) Pemasangan papan tanda keselamatan dan pencahayaan lampu jalan yang sempurna di kawasan gelap demi menjamin keselamatan orang awam. Pembersihan dan pembaikan laluan pejalan kaki juga akan dipertingkatkan supaya dapat memberi kemudahan dan keselamatan kepada orang awam; dan
- (iv) Kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dalam melaksanakan projek infrastruktur demi memastikan projek infrastruktur dapat berjalan dengan lancar.

Pelan jangka panjang dalam menaik taraf kemudahan infrastruktur adalah:

- (i) Mewujudkan Pelan Induk Infrastruktur yang komprehensif dalam memastikan perancangan dan pembangunan infrastruktur dapat dilaksanakan dengan sempurna;
- (ii) Melaksanakan kajian keperluan dan potensi projek infrastruktur yang seimbang dan mampan seiring dengan kepesatan pembangunan semasa;
- (iii) Mewujudkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta untuk mendapatkan dana dan kepakaran dalam projek infrastruktur;
- (iv) Mengintegrasikan teknologi terkini dalam pelaksanaan projek infrastruktur dengan mengambil kira aspek nilai kejuruteraan dan teknologi hijau serta mesra alam demi mencapai matlamat Revolusi Industri 4.0 dalam memperkasakan *Sustainable Development Goal (SDG)* dan *Environmental Social Governance (ESG)*;
- (v) Sistem pemantauan kerja penyediaan infrastruktur asas dengan menggunakan teknologi terkini dipertingkatkan

dan diperluaskan demi meningkatkan kecekapan dan keselamatan; dan

- (vi) Menggalakkan latihan teknikal dan TVET untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang berkaitan pengurusan, pelaksanaan dan penyelenggaraan infrastruktur demi mencapai Dasar TVET Negara 2030.
- (c) Melalui Penang CAT Centre di bawah pengurusan InvestPenang, terdapat beberapa program yang telah dibuat bagi mengekalkan bakat tempatan. Keutamaan ditumpukan kepada bakat-bakat mahir di dalam bidang STEM dan TVET yang diakui sebagai bakat yang kritikal bagi memenuhi sebahagian besar daripada permintaan bakat-bakat berkemahiran tinggi untuk industri di negeri ini.

Antara peranan Pusat CAT Pulau Pinang adalah memberi khidmat nasihat untuk padanan kerja (*job matching*) bagi membuka ruang kepada bakat-bakat meneroka peluang pekerjaan di Pulau Pinang. Pusat CAT juga telah memperluaskan peranannya dengan memberi perkhidmatan seperti:

- (i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya. Melalui *outreach programme* bersama institusi pengajian tinggi bagi memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar terutamanya di dalam jurusan STEM dan juga pencari kerja di Malaysia, khususnya di Pulau Pinang tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negeri ini;
- (ii) Sekretariat kepada program subsidi latihan industri iaitu *Penang Internship Subsidy Program (PISP)* yang bertujuan sebagai salah satu peluang bagi pelajar-pelajar terutamanya di dalam jurusan STEM di Malaysia mengikuti program latihan industri di syarikat-syarikat yang berkeelayakan untuk program ini sambil menikmati kadar elaun bulanan yang menarik;
- (iii) Sekretariat kepada program biasiswa *Penang Future Foundation (PFF)* yang merupakan program biasiswa yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia yang majoritinya adalah anak Pulau Pinang yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian

mereka di Malaysia. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. PFF terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak dan keutamaan akan diberikan kepada belia yang cemerlang dan layak tertakluk kepada terma dan syarat. Setelah berjaya menamatkan pengajian sarjana muda yang ditaja (iaitu di dalam bidang STEM dan Perakaunan & Kewangan), pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor swasta atau awam;

- (iv) Jangkauan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif untuk dipanjangkan perkongsiannya kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta *Facebook* Pusat CAT;
- (v) Kerjasama dengan NCIA dalam mempromosikan program-program yang memberi manfaat melalui saluran komunikasi sedia ada seperti laman sesawang InvestPenang, Pusat CAT serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan;
- (vi) Kerjasama dengan TalentCorp dalam mempromosikan program *MyNext*, *Career Comeback* dan sebagainya melalui *Facebook* Pusat CAT serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan bagi membantu mengisi kekosongan yang ada; dan
- (vii) Kerjasama dengan PERKESO dalam membantu pencari kerja melalui program-program yang ditawarkan oleh mereka (latihan, kaunseling, insentif kewangan & lain-lain).

Selain itu, khusus untuk sektor ekonomi dan digital, Kerajaan Negeri telah dan akan menjalankan beberapa tindakan atau program bagi mengekalkan bakat tempatan iaitu:

- (i) Melancarkan penubuhan *Penang GBS Industry Academy* (PGIA) 1.0 iaitu sebuah usaha bersama antara InvestPenang, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Kumpulan Fokus GBS Pulau Pinang, dan *Penang Skills Development Centre* (PSDC). Akademi ini menawarkan peluang kepada bakat sedia ada untuk

meningkatkan kemahiran dan dilatih semula bagi memberi nilai tambah yang diperlukan dalam bidang teknologi khususnya untuk industri *Global Business Services* (GBS). PGIA 1.0 berjaya melancarkan beberapa siri program peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan penyesuaian semula kemahiran (*reskilling*) yang menarik lebih daripada 700 profesional melalui kursus khusus sejak pelancarannya pada November 2022;

- (ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga memandang serius terhadap aspek pembangunan bakat berkemahiran tinggi terutamanya yang berkaitan teknologi kecerdasan buatan *Artificial Intelligence* (AI) kerana ia dijangka mampu memberikan impak yang besar dan signifikan dalam mempertingkatkan daya saing digital dan ekonomi negeri. Justeru, inisiatif *Penang Gen AI-Ready Talent* (PGIA 2.0) juga bakal diperkenalkan pada tahun hadapan dengan menganjurkan kursus dan latihan bagi mempersiapkan bakat tempatan untuk menghadapi era kecerdasan buatan dan *Generative AI* yang mana merangkumi pelbagai kursus seperti asas AI, aplikasi AI dalam perniagaan, dan sebagainya;
- (iii) Kerajaan Negeri baru-baru ini melancarkan inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* yang antara komponennya ialah penubuhan *Penang Chip Design Academy* (PCDA), yang bertujuan untuk mengekalkan bakat tempatan dengan menawarkan latihan khusus dalam reka bentuk cip dan kejuruteraan digital. Inisiatif ini diharap dapat meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja tempatan dalam industri semikonduktor dan reka bentuk litar bersepadu (IC). Akademi ini akan menyediakan kursus jangka pendek untuk peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan penyesuaian semula kemahiran (*reskilling*), khusus untuk jurutera sedia ada dan graduan baharu dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Mekatronik serta Fizik. Akademi ini dijangka akan memulakan operasi pada tahun 2025;
- (iv) Sehingga kini, lebih daripada 200 syarikat di Pulau Pinang telah memperoleh status *Malaysia Digital* (dahulunya dikenali sebagai *Multimedia Super Corridor* Malaysia atau MSC Malaysia), yang bersama-sama telah mewujudkan

lebih 17,000 pekerjaan berkemahiran tinggi. Dengan jumlah ini, Pulau Pinang muncul sebagai negeri kedua tertinggi selepas Kuala Lumpur/Selangor yang menjadi tumpuan pelabur berteraskan ekonomi digital; dan

- (v) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga proaktif dalam menyediakan infrastruktur untuk memenuhi keperluan industri digital. Antaranya ialah pembangunan ruang pejabat seperti *GBS@Mayang* dan *GBS@Mahsuri* yang telah disewakan sepenuhnya kepada syarikat-syarikat GBS dan IC dan dua bangunan pejabat baharu seperti *GBS By The Sea* dan *GBS Tech Space* yang bakal menyediakan ruang lantai seluas 360,000 kaki persegi dan dijangka membuka lebih 2,000 hingga 3,000 peluang pekerjaan baharu dalam sektor ekonomi digital akan memberikan lebih banyak pilihan pekerjaan kepada bakat tempatan.

Inisiatif-inisiatif ini secara keseluruhannya membantu Pulau Pinang mengekalkan dan menarik bakat berkemahiran tinggi khususnya bakat-bakat tempatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan industri pembuatan dan perkhidmatan, meningkatkan tahap kebolehpasaran individu di negeri ini dan sekali gus memperkukuhkan lagi kedudukan negeri ini sebagai hab ekonomi digital yang unggul.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

5. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu pelajar buta huruf?
- (a) Berikan statistik jumlah pelajar buta huruf di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.
  - (b) Nyatakan kempen kesedaran yang dijalankan bagi membantu mengurangkan stigma terhadap pelajar yang buta huruf.
  - (c) Nyatakan jumlah peruntukan untuk program-program literasi dan pendidikan.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Bagi membantu pelajar buta huruf, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) sedang melaksanakan inisiatif seperti pengesanan Awal Literasi dan Numerasi yang melibatkan murid Tahun 1 seramai 21037 orang murid di semua sekolah rendah negeri Pulau Pinang. Pengesanan awal literasi dan numerasi telah dilaksanakan pada 1 hingga 30 Jun 2024. Terdapat seramai 7118 orang murid dikenal pasti masih belum menguasai asas 3M. Setelah menjalani Program Intervensi Kurikulum Fasa 1 (3 bulan dari bulan Julai hingga September 2024) seramai 3870 orang murid berjaya dipulihkan manakala seramai 3248 orang murid akan mengikuti Intervensi Fasa 2 (lanjutan) untuk tempoh 3 bulan yang berikutnya iaitu (Oktober hingga Disember 2024). Sekiranya murid tersebut masih belum menguasai kemahiran asas, pihak sekolah telah pun bersedia untuk murid berkenaan mengikuti Program Pemulihan Khas untuk murid Tahun 2 hingga 3 dan pihak sekolah di Pulau Pinang juga melaksanakan Ujian Diagnostik pengesanan awal Murid

Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang meminta pihak ibu bapa membuat pemeriksaan di klinik kesihatan yang berdekatan.

- (a) Statistik jumlah pelajar buta huruf di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Kempen kesedaran yang dijalankan bagi membantu mengurangkan stigma terhadap pelajar yang buta huruf seperti berikut:-
  - (i) Pemantapan kualiti pengajaran guru mata Pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan pendekatan pedagogi terbeza, pendekatan didik hibur, bahan berdasarkan teknologi tik-tok dan aktiviti berpusatkan minat dan potensi murid. Murid-murid yang lemah juga diberi peluang untuk melibatkan diri dalam PdP di bilik darjah;
  - (ii) Kunjung bantu dan bimbingan berterusan oleh pegawai JPN/PPD ke sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid pemulihan yang ramai secara berkala. Kunjung bantu ini amat penting supaya pihak sekolah dapat mewujudkan ruang pembelajaran yang kondusif untuk murid-murid pemulihan khas;
  - (iii) JPN Pulau Pinang memperkenalkan E.P.I.C (Educations Progress Indicator Card) untuk mengesan perkembangan penguasaan kemahiran asas membaca dan menulis murid pemulihan khas. Ibu bapa lebih jelas melihat perkembangan anak-anak mereka; dan
  - (iv) Semua PPD telah melaksanakan Karnival Pemulihan Khas yang menggalakkan penglibatan murid berdasarkan bakat dan minat seperti nyanyian, deklamasi sajak, bercerita, lukisan untuk menarik minat pelajar ke sekolah dan menghargai serta mengiktiraf kebolehan mereka.
- (c) Jumlah peruntukan untuk program-program literasi dan pendidikan adalah sebanyak:
  - (i) KPM kepada JPN sebanyak RM15,000.00
  - (ii) Kerajaan Negeri (Exco Pendidikan) sebanyak RM10,300.00



## LAMPIRAN A

### SEKOLAH RENDAH

Pihak JPN Pulau Pinang memaklumkan data buta huruf adalah berdasarkan data Pemulihan Khas di sekolah rendah dan data Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Tahap Penguasaan (TP1-TP2).

Program Intervensi Kurikulum Tahun 1:

JENIS SEKOLAH	JUMLAH ENROLMEN	DATA MURID INTERVENSI TAHUN 1 NEGERI PULAU PINANG SESI POERSEKOLAHAN TAHUN 2024/2025						JUMLAH KESELURUHAN MURID INTERVENSI TAHUN 1
		BAHASA MELAYU SAHAJA		MATEMATIK SAHAJA		BAHASA MELAYU & MATEMATIK		
		L	P	L	P	L	P	
SK	13954	713	544	164	114	593	382	2510
SJKC	6275	251	185	15	14	69	29	563
SJKT	808	35	30	12	2	55	39	173
JPNPP	<b>21037</b>	999	761	191	132	717	450	<b>3248</b>
		<b>1760</b>		<b>321</b>		<b>1167</b>		

Program Pemulihan Khas (Tahun 2-6) Negeri Pulau Pinang.

NAMA NEGERI: PULAU PINANG									
KUTIPAN 15 OKTOBER 2024 DATA APDM PEMULIHAN KHAS									
TAHUN	JENIS SEKOLAH	ENROLMEN MURID	DATA PELEPASAN 1 MURID PEMULIHAN KHAS P. PINANG SESI PERSEKOLAHAN TAHUN 2024/2025						JUMLAH MURID PMLHN
			BAHASA MELAYU		MATEMATIK		B MELAYU & MATEMATIK		
			LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN	
2	SK	13267	406	293	79	72	537	370	1757
	SABK	64	4	2	0	0	0	0	6
	SJKC	6468	275	218	11	12	45	40	601
	SJKT	865	33	28	4	5	64	35	169
3	SK	13240	253	143	59	45	324	191	1015
	SABK	58	0	0	0	0	0	0	0
	SJKC	6928	205	125	14	13	22	17	396
	SJKT	884	18	14	2	3	29	23	89
4	SK	13307	163	68	37	33	145	89	535
	SABK	58	0	0	0	0	0	0	0
	SJKC	7227	137	83	9	12	21	8	270
	SJKT	861	13	8	4	1	22	14	62
5	SK	12531	87	37	32	34	64	38	292
	SABK	59	0	0	0	0	0	0	0
	SJKC	6782	93	38	12	9	9	6	167
	SJKT	818	9	6	3	0	25	13	56
6	SK	12901	35	11	20	12	24	16	118
	SABK	55	0	0	0	0	0	0	0
	SJKC	8188	65	37	3	0	5	7	117
	SJKT	937	12	2	0	3	15	10	42
<b>JUMLAH</b>		<b>105498</b>	<b>1808</b>	<b>1113</b>	<b>289</b>	<b>254</b>	<b>1351</b>	<b>877</b>	<b>5692</b>
			<b>2921</b>		<b>543</b>		<b>2228</b>		
	BILANGAN BM		<b>5149</b>						
	BILANGAN MT		<b>2771</b>						

Pemeriksaan Murid TP1-2 (PBD) Sekolah Rendah

ITEM	MATA PELAJARAN (SK)	TAHUN	TP1	TP2	TP3	TP4	TP5	TP6	TDD
PBD	BAHASA MELAYU	TAHUN SATU	537	2283	4348	4401	1723	151	19
PBD	BAHASA MELAYU	TAHUN DUA	129	1354	4266	5106	2292	207	18
PBD	BAHASA MELAYU	TAHUN TIGA	86	784	3495	5593	3064	267	18
PBD	BAHASA MELAYU	TAHUN EMPAT	33	536	3065	6482	3122	178	13
PBD	BAHASA MELAYU	TAHUN LIMA	16	320	2418	5768	3585	513	16
PBD	BAHASA MELAYU	TAHUN ENAM	13	160	2006	4727	4584	1484	22

ITEM	MATA PELAJARAN (SJK)	TAHUN	TP1	TP2	TP3	TP4	TP5	TP6	TDD
PBD	BAHASA MELAYU SJK	TAHUN SATU	157	674	1909	2532	1587	251	5
PBD	BAHASA MELAYU SJK	TAHUN DUA	63	589	2112	2663	1567	347	4
PBD	BAHASA MELAYU SJK	TAHUN TIGA	42	520	2264	2974	1678	345	7
PBD	BAHASA MELAYU SJK	TAHUN EMPAT	72	687	2615	2776	1593	378	5
PBD	BAHASA MELAYU SJK	TAHUN LIMA	67	663	2203	2643	1582	463	3
PBD	BAHASA MELAYU SJK	TAHUN ENAM	67	679	2251	2838	2263	1054	6

**ANALISIS MENGIKUT TAHUN**

ITEM	MATA PELAJARAN (SK&SJK)	TAHUN	TP1	TP2	TP3	TP4	TP5	TP6	TDD
PBD	BAHASA MELAYU	TAHUN SATU	537	2283	4348	4401	1723	151	19
PBD	BAHASA MELAYU SJK	TAHUN SATU	157	674	1909	2532	1587	251	5
		<b>JUMLAH</b>	<b>694</b>	<b>2957</b>	<b>6257</b>	<b>6933</b>	<b>3310</b>	<b>402</b>	<b>24</b>

ITEM	MATA PELAJARAN (SK&SJK)	TAHUN	TP1	TP2	TP3	TP4	TP5	TP6	TDD
PBD	BAHASA MELAYU SJK	TAHUN DUA	63	589	2112	2663	1567	347	4
PBD	BAHASA MELAYU	TAHUN DUA	129	1354	4266	5106	2292	207	18
		<b>JUMLAH</b>	<b>192</b>	<b>1943</b>	<b>6378</b>	<b>7769</b>	<b>3859</b>	<b>554</b>	<b>22</b>

ITEM	MATA PELAJARAN (SK&SJK)	TAHUN	TP1	TP2	TP3	TP4	TP5	TP6	TDD
PBD	BAHASA MELAYU	TAHUN TIGA	86	784	3495	5593	3064	267	18
PBD	BAHASA MELAYU SJK	TAHUN TIGA	42	520	2264	2974	1678	345	7
		<b>JUMLAH</b>	<b>128</b>	<b>1304</b>	<b>5759</b>	<b>8567</b>	<b>4742</b>	<b>612</b>	<b>25</b>

ITEM	MATA PELAJARAN (SK&SJK)	TAHUN	TP1	TP2	TP3	TP4	TP5	TP6	TDD
PBD	BAHASA MELAYU	TAHUN EMPAT	33	536	3065	6482	3122	178	13
PBD	BAHASA MELAYU SJK	TAHUN EMPAT	72	687	2615	2776	1593	378	5
		<b>JUMLAH</b>	<b>105</b>	<b>1223</b>	<b>5680</b>	<b>9258</b>	<b>4715</b>	<b>556</b>	<b>18</b>

ITEM	MATA PELAJARAN (SK&SJK)	TAHUN	TP1	TP2	TP3	TP4	TP5	TP6	TDD
PBD	BAHASA MELAYU	TAHUN LIMA	16	320	2418	5768	3585	513	16
PBD	BAHASA MELAYU SJK	TAHUN LIMA	67	663	2203	2643	1582	463	3
		<b>JUMLAH</b>	<b>83</b>	<b>983</b>	<b>4621</b>	<b>8411</b>	<b>5167</b>	<b>976</b>	<b>19</b>

ITEM	MATA PELAJARAN (SK&SJK)	TAHUN	TP1	TP2	TP3	TP4	TP5	TP6	TDD
PBD	BAHASA MELAYU	TAHUN ENAM	13	160	2006	4727	4584	1484	22
PBD	BAHASA MELAYU SJK	TAHUN ENAM	67	679	2251	2838	2263	1054	6
		<b>JUMLAH</b>	<b>80</b>	<b>839</b>	<b>4257</b>	<b>7565</b>	<b>6847</b>	<b>2538</b>	<b>28</b>

## SEKOLAH MENENGAH

Pihak JPNPP memaklumkan data Buta Huruf Sekolah Menengah Berdasarkan Data PBD Murid Kelas Peralihan – Tingkatan 5

Analisis PBD Pertengahan Tahun 2024 mengikut Tingkatan (Sekolah Menengah)

### PBD PERTENGAHAN TAHUN 2024

TINGKATAN	TP1	TP2	TP3	TP4	TP5	TP6	TD
PERALIHAN	98	389	333	66	8	0	2
TINGKATAN SATU	298	2839	9303	5993	1362	47	25
TINGKATAN DUA	173	1935	7303	6387	1994	138	21
TINGKATAN TIGA	178	1659	7299	6977	2485	287	24
TINGKATAN EMPAT	134	1820	6851	6959	2514	144	36
TINGKATAN LIMA	47	936	5292	6432	4057	524	14
<b>JUMLAH</b>	<b>928</b>	<b>9578</b>	<b>36381</b>	<b>32814</b>	<b>12420</b>	<b>1140</b>	<b>122</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

6. Isu kesihatan mental menjadi antara punca utama yang menjejaskan kesejahteraan fizikal dan sosial seseorang individu.
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menangani isu kesihatan mental dalam kalangan masyarakat?
  - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri melatih kaunselor untuk menangani isu kesihatan mental?
  - (c) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan mental secara talian?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. (a) Pelbagai program kesedaran, sokongan psikologi, dan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental telah dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan Kerajaan Negeri. Antara usaha yang telah dilakukan adalah melaksanakan kempen dan program seperti:
- (i) Kempen Kesedaran: Sambutan Hari Kesihatan Mental disambut setiap tahun pada 10 Oktober, manakala Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia disambut pada 10 September. Sambutan Hari Kesihatan Mental juga diadakan di sekolah dan komuniti dengan penyediaan ceramah, forum, permainan interaktif dan pameran maklumat.

- (ii) Bengkel dan seminar yang dijalankan oleh pakar kesihatan, pegawai kaunselor dan pegawai psikiatri bertujuan untuk mendidik orang ramai mengenai isu kesihatan mental.
- (iii) Portal web dan aplikasi MyMinda MySejahtera menyediakan maklumat, nasihat dan sumber untuk mereka yang memerlukan bantuan atau ingin memahami lebih lanjut tentang kesihatan mental.
- (iv) Perkhidmatan kaunseling dengan penempatan pegawai psikologi kaunselor telah disediakan di semua daerah Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2020 untuk memberikan sokongan psikologi kepada masyarakat setempat.
- (v) Selain daripada penyediaan perkhidmatan kesihatan mental dan kaunseling di klinik-klinik kesihatan dan hospital-hospital, isu kesihatan mental di tempat kerja turut diberi perhatian melalui pelaksanaan program-program advokasi seperti Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) di samping program-program lain seperti KOSPEN WOW.

Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan satu jawatan khas, iaitu Jawatankuasa Program Kesihatan Mental Negeri yang dipengerusikan oleh YB MMK Belia, Sukan dan Kesihatan. Jawatankuasa ini bertujuan untuk membincangkan isu kesihatan mental di negeri ini dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, swasta dan organisasi bukan kerajaan bagi meningkatkan pemahaman serta mengurangkan stigma terhadap masalah kesihatan mental.

- (b) Antara usaha bagi melatih kaunselor untuk menangani isu kesihatan mental adalah menempatkan Pegawai Psikologi (Kaunseling) di setiap Klinik Kesihatan bermulanya pada tahun 2020.

Mereka melaksanakan aplikasi psikologi dalam intervensi pembangunan, pencegahan, pemulihan dan memberikan intervensi kepada klien. Tugas utama adalah menjalankan kaunseling individu, kaunseling kelompok serta kaunseling keluarga dan perkahwinan.

Pada awal pelaksanaan, hanya terdapat lima Pegawai Psikologi (Kaunseling) untuk Negeri Pulau Pinang. Kini, terdapat 10

Pegawai Psikologi (Kaunseling) kontrak dan 4 Pegawai Psikologi (Kaunseling) tetap.

- (c) JKNPP bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Program Minda Sihat Sekolah akan terus mempergiatkan lagi kolaborasi untuk memperkasa kesihatan mental kanak-kanak dan remaja, termasuk kerjasama dengan Institut Pendidikan Guru (IPG). Guru-guru kaunselor juga turut diberi taklimat oleh KKM berkaitan kesihatan mental pelajar.

Perkhidmatan kesihatan mental secara dalam talian, termasuk kaunseling maya dan *helpline* krisis dapat diakses melalui aplikasi MyMinda dan Talian 15555. MyMinda adalah ujian saringan kesihatan mental yang disediakan oleh MySejahtera KKM.

Fungsi MyMinda memberikan akses kepada penilaian kesihatan mental, panduan penjagaan diri, serta kemudahan untuk berhubung dengan profesional kesihatan mental.

Talian HEAL 15555 atau talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial adalah perkhidmatan yang memberi respons terhadap panggilan dan aduan krisis berkaitan kesihatan mental, tingkah laku bunuh diri, mencederakan diri atau orang lain. Talian HEAL 15555 telah mula beroperasi pada 21 Oktober 2022 untuk membantu individu yang menghadapi masalah kesihatan mental. Talian ini dikendalikan oleh Pegawai Psikologi (Kaunseling) KKM dari 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam setiap hari, kecuali pada cuti umum.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

7. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani isu pencemaran khususnya di kawasan pantai?
- a) Adakah terdapat sebarang pemantauan berkala yang dilakukan bagi menilai tahap pencemaran pantai di negeri ini?
  - b) Apakah jenis tindakan yang diambil terhadap pengusaha hotel atau individu yang didapati mencemari kawasan pantai ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang mula menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (pindaan 2024) pada 7 Julai 2024. Pindaan akta ini melibatkan jumlah hukuman denda yang lebih tinggi berbanding denda terdahulu. JAS secara berkala menjalankan penguatkuasaan ke atas punca-punca yang berpotensi menyebabkan pencemaran air, udara dan buangan terjadual termasuk punca yang menyebabkan pencemaran pantai. Selain itu, sebarang aktiviti atau pembangunan tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 seperti perikanan, tebus guna tanah dan pembangunan di kawasan pantai. Sebarang aktiviti dan pembangunan tersebut perlu mendapat kelulusan daripada Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk memulakan aktiviti atau pembangunan.

Seterusnya, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menerusi MBSP dan MBPP pula, telah mengambil langkah dengan tindakan seperti berikut:

- Pembersihan sampah terapung di persisiran pantai yang menjadi tumpuan awam oleh pekerja setiap hari;
  - Menyokong aktiviti gotong-royong oleh pemegang taruh di persisiran pantai dengan membekalkan alatan pembersihan dan tong sampah secara percuma;
  - Meletakkan papan tanda atau banner berkaitan pendidikan alam sekitar dan undang-undang berkaitannya bagi memberikan pendidikan kepada masyarakat;
  - Memasang CCTV seperti di Pantai Robina Eco Park bagi memastikan tiada aktiviti pencemaran dan vandalism; dan
  - Menjalankan operasi penguatkuasaan dan pendidikan di kawasan tumpuan awam bagi memastikan tiada aktiviti pembuangan sampah oleh individu.
- a) Operasi Mencegah Pencemaran dijalankan setiap hujung minggu iaitu Sabtu atau Ahad oleh JAS. Operasi ini termasuk rondaan bersama Jabatan Laut Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Selain itu, JAS juga mengawasi kualiti marin di 33 kawasan termasuk 17 stesen kawasan pantai, 9 stesen pulau dan 7 stesen muara.

PBT juga menjalankan pemantauan setiap hari oleh pegawai bagi memastikan kakitangan menjalankan tugas dan tiada pencemaran berlaku di persisiran pantai.

- b) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 telah dikuatkuasakan terhadap mana-mana premis dan hotel yang mengeluarkan pelepasan yang melebihi 150 population equivalent. Sebarang ketidakpatuhan boleh membawa kepada kompaun dan tindakan mahkamah.

Di bawah Seksyen 47(1)(g) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 iaitu membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, zarah makanan atau apa-apa benda atau barang lain di sesuatu tempat awam

oleh mana-mana individu atau pengusaha hotel adalah boleh dikenakan tindakan berdasarkan undang-undang tersebut kerana mencemarkan kawasan pantai.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

8. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) kepada rakyat di negeri ini?
- (a) Senaraikan projek RMM kategori A, B dan C yang sedang dirancang, sedang dalam pembinaan dan akan dibina di KADUN Batu Uban atau yang berdekatan.
  - (b) Nyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk memastikan kualiti pembinaan RMM.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang mencukupi bagi rakyat Pulau Pinang merupakan agenda utama Kerajaan Negeri selaras dengan Visi Penang2030 di bawah Inisiatif Strategik A1: 'Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan' dengan sasaran penyediaan sebanyak 220,000 unit RMM pelbagai kategori menjelang tahun 2030.

Sehingga 30 September 2024, pembekalan unit RMM telah mencecah sebanyak 162,689 unit bersamaan 73.94% seperti **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1**

Daerah/ Status	Siap Dibina			Pelbagai Peringkat Pembinaan			Dalam Perancangan		
	RMM			RMM			RMM		
	A	B	C	A	B	C	A	B	C
<b>DTL</b>	979	11,817	6,703	550	1,359	6,646	1,628	5,015	12,409
<b>DBD</b>	6,873	1,327	2,761	123	369	3,653	2,855	3,382	22,133
<b>SPU</b>	7,787	1,235	2,958	451	0	3,438	1,202	720	6,990
<b>SPT</b>	4,065	274	2,007	1,703	547	2,180	2,112	4,273	13,891
<b>SPS</b>	1,701	822	371	1,122	0	315	720	3,223	8,000
	<b>51,680</b>			<b>22,456</b>			<b>88,553</b>		
<b>JUMLAH</b>	<b>162,689 UNIT</b>								

- (a) Khusus bagi KADUN Batu Uban, sebanyak 3,115 unit RMM telah siap dibina, 646 unit RMM sedang dibina dan 948 dalam peringkat perancangan yang keseluruhannya berjumlah 4,709 unit. Perincian projek adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Kerajaan Negeri mengambil serius berkaitan kualiti penyediaan RMM. Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan semua Pelan Teknikal yang diperolehi adalah di bawah tanggungjawab dan seliaan individu profesional yang mengemukakan pelan tersebut. Semua kerja di tapak perlu diperakui mengikut skop dan kualiti yang telah ditetapkan sebelum perakuan penyiapan kerja dan pematuhan dikeluarkan oleh pihak yang bertanggungjawab. Semua perakuan tersebut yang melibatkan 21 perakuan (melalui Borang G1 hingga G21) akan dikumpulkan sebelum Sijil Penyiapan dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance - CCC*) dikeluarkan oleh pihak Perunding Arkitek selaku *Lead Consultant*. Pihak kontraktor juga perlu memastikan semua kerosakan (*defects*) diperbaiki semasa dalam Tempoh Tanggung Kecacatan (*Defects Liability Period - DLP*).

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa menggalakkan pemaju-pemaju swasta untuk mendapatkan pengiktirafan kualiti dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui kaedah Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan (QLASSIC). Pihak CIDB menggunakan kaedah skor QLASSIC ini bagi tujuan mengukur dan menilai kualiti hasil kerja pembinaan bangunan yang berasaskan kepada Standard

Industri Pembinaan menerusi elemen standard yang ditetapkan. Penilaian tersebut akan dilaksanakan oleh individu yang diberikan tauliah oleh CIDB. Kerajaan Negeri juga telah meletakkan syarat minimum skor QLASSIC iaitu 70% yang perlu diperoleh bagi semua projek RMM di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) Tahun 2021 - 2025 yang dilaksanakan di bawah LPNPP. Pelaksanaan syarat minimum skor QLASSIC ini juga merupakan salah satu inisiatif di dalam Kempen Pemilikan Rumah/*Home Ownership Campaign (HOC 3.0 Plus)* Negeri Pulau Pinang dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 bagi memastikan kualiti sesuatu pemajuan tersebut tetap terjaga walaupun harga rumah dikurangkan.

## a. Senarai Projek RMM A, B dan C Siap dan Terima Sijil Layak Menduduki (OC) / Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) Sejak Tahun 2008

Daerah Timur Laut									
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMM	Bil. Unit	Kadun	
1	2008	DTL	Taman Permai Jaya	Taman Seri Setia Sdn. Bhd.	3365, 3366, 3785, 3786, 3788 Sebahagian Lot 381, Mk 18, Jalan Permai, Gelugor, DTL	B	127	Batu Uban	Swasta
2	2009	DTL	Taman Sri Saujana	PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar George Town, DTL	B	544	Batu Uban	Kerajaan Negeri
3	2009	DTL	Taman Sri Aman C1	Chong Company Sdn. Bhd.	Lot 8774, 8775, 8786, 10214 & Sebahagian Lot 353, Mukim 13, DTL	B	354	Batu Uban	Swasta
4	2010	DTL	Taman Sri Aman C2	Chong Company Sdn. Bhd.	Lot 8774, 8775, 8786, 10214 & Sebahagian Lot 353, Mukim 13, DTL	B	347	Batu Uban	Swasta
5	2012	DTL	Halaman Kenanga	PDC Properties Sdn. Bhd.	Lot 2916, Lengkok Nipah 3, Mukim 13, DTL	A	204	Batu Uban	Kerajaan Negeri
6	2012	DTL	Halaman Kenanga	PDC Properties Sdn. Bhd.	Lot 2916, Lengkok Nipah 3, Mukim 13, DTL	B	510	Batu Uban	Kerajaan Negeri
7	2012	DTL	The Pulse	Nusmetro Venture (P) Sdn. Bhd.	Lot PT.59, No. H.S (D) 15868, Gelugor, DTL	B	249	Batu Uban	Swasta
8	2015	DTL	Centrio Avenue	Nuwata Sdn. Bhd.	Lot 7586, 7587 Sebahagian 7588 dan Sebahagian 7585, Mukim 13, Jalan Permai, Jalan Bukit Gambir, DTL	B	780	Batu Uban	Swasta
						<b>JUMLAH</b>	<b>3,115</b>		

## b. Senarai Projek RMM A, B dan C Sedang Dibina

Daerah Timur Laut									
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMM	Bil. Unit	Kadun	
1	2017	DTL	336 & 337, Mukim 13 Paya Terubong, Jalan Teochew Satu, DTL	Major Development (formerly Hooi Hwa)	Kebenaran Merancang	C	646	Batu Uban	Swasta
						<b>JUMLAH</b>	<b>646</b>		

## c. Senarai Kebenaran Merancang Projek RMM A B dan C Swasta dan Perancangan Kerajaan Negeri &amp; Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

Daerah Timur Laut									
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Status	Jenis RMM	Bil. Unit	Kadun	
1	2017	DTL	Di Atas Lot 2920, Pt 3986, Dan Sebahagian Lot 2921 & Lot 292, Jalan Bukit Gambier, Sungai Dua, Mukim 13, DTL	Gambier Sanctuary Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	194	Batu Uban	Swasta
2	2017	DTL	Di Atas Lot 1555 (Lot Baru 6400), Persiaran Bukit Gambir 1, Mukim 13, DTL	Tetuan MPSB Venture Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	85	Batu Uban	Swasta
3	2018	DTL	Di atas Sebahagian Lot 11511, Tingkat Paya Terubong 2, Mukim 13, DTL	Tetuan Patsifit Construction Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	205	Batu Uban	Swasta

**LAMPIRAN A**

Daerah Timur Laut									
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Status	Jenis RMM	Bil. Unit	Kadun	
4	2019	DTL	Lot 11312, 11314, 11315, 11316, 11317, Plot D, Sbhgn. Lot 11311 & 11313, Jalan Bukit Kukus, Mukim 13, DTL	Aspen Park Hills	Kebenaran Merancang	B	464	Batu Uban	Swasta
						<b>JUMLAH</b>	<b>948</b>		

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

9. Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri dalam menangani isu pemilikan rumah oleh rakyat di negeri ini?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan menyediakan bantuan kewangan atau subsidi kepada pembeli rumah pertama dan generasi muda?
  - (b) Apakah mekanisme bagi memastikan Kerajaan Negeri dapat mengawal harga jualan rumah di negeri ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang mencukupi bagi rakyat Pulau Pinang merupakan agenda utama Kerajaan Negeri selaras dengan Visi Penang2030 di bawah Inisiatif Strategik A1: 'Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan' dengan sasaran penyediaan sebanyak 220,000 unit RMM pelbagai kategori menjelang tahun 2030.

Sehingga 30 September 2024, pembekalan unit RMM telah mencecah sebanyak 162,689 unit bersamaan 73.94% seperti **Jadual 1** berikut:

DAERAH/ STATUS	SIAP DIBINA			PELBAGAI PERINGKAT PEMBINAAN			DALAM PERANCANGAN		
	RMM			RMM			RMM		
	A	B	C	A	B	C	A	B	C
<b>DTL</b>	979	11,817	6,703	550	1,359	6,646	1,628	5,015	12,409
<b>DBD</b>	6,873	1,327	2,761	123	369	3,653	2,855	3,382	22,133
<b>SPU</b>	7,787	1,235	2,958	451	0	3,438	1,202	720	6,990
<b>SPT</b>	4,065	274	2,007	1,703	547	2,180	2,112	4,273	13,891
<b>SPS</b>	1,701	822	371	1,122	0	315	720	3,223	8,000
	<b>51,680</b>			<b>22,456</b>			<b>88,553</b>		
<b>JUMLAH</b>	<b>162,689 UNIT</b>								

**Jadual 1**

- (a) Kerajaan Persekutuan melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKPB) yang merupakan syarikat diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan telah memberikan kerjasama untuk lebih melibatkan diri bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai penjamin bagi kemudahan kewangan melalui panel-panel bank yang turut terlibat dalam skim ini.

Bagi membantu bakal pembeli rumah kali pertama, Skim Jaminan Kredit Perumahan telah diperkenalkan dengan peruntukan sebanyak RM5.0 bilion oleh Kerajaan Persekutuan dengan had pembiayaan yang lebih tinggi iaitu sehingga RM500,000.00 dengan tempoh pembiayaan sehingga 35 tahun. Terkini, skim ini ditawarkan melalui 15 buah bank / institusi kewangan utama seperti **Jadual 2** berikut:

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI BANK</b>
1	Affin Bank Berhad
2	AmBank Islamic Berhad
3	Bank Simpanan Nasional Berhad
4	Maybank Islamic Berhad
5	Agro Bank Berhad
6	Bank Islam Malaysia Berhad
7	Hong Leong Bank Berhad
8	MBSB Bank Berhad
9	Alliance Bank Malaysia
10	Bank Muamalat Malaysia
11	Hong Leong Islamic Bank
12	RHB Islamic Bank
13	Alliance Islamic Bank
14	Bank Rakyat Berhad
15	Maybank Berhad

**Jadual 2**

Dengan adanya skim pembiayaan seumpama ini, secara tidak langsung pihak bank / institusi kewangan dapat membantu golongan yang sukar mendapatkan pinjaman dan golongan yang tidak mempunyai bukti pendapatan bulanan yang tetap tanpa mengira jenis pekerjaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Skim Sewa Beli *Rent To Own* (RTO) bagi menangani masalah pinjaman perumahan. Kerajaan Negeri melalui Visi Penang2030 di bawah sasaran kedua dalam Inisiatif Strategik A1: 'Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan' telah mensasarkan pembekalan sebanyak 22,000 unit RMM melalui Skim RTO menjelang tahun 2030.

Melalui Skim RTO ini, golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan dari bank / institusi kewangan masih boleh memiliki rumah dengan menandatangani perjanjian sewa beli dengan Kerajaan Negeri melalui LPNPP untuk tempoh 15 ke 20 tahun pada kadar faedah 0%. Unit tersebut seterusnya akan boleh dipindah milik kepada penyewa beli apabila bayaran penyelesaian penuh disempurnakan. Skim RTO ini adalah melibatkan skim perumahan jenis RMM A, RMM B dan RMM C.

- (b) Bagi memastikan harga jualan rumah dapat dikawal, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Garis Panduan RMM 100 Peratus sejak 2014. Melalui Garis Panduan RMM 100 Peratus ini, spesifikasi minimum dan harga jualan maksimum unit RMM C adalah pada kadar RM300,000.00 (kawasan Pulau) dan RM250,000.00 (kawasan Seberang) termasuk satu (1) tempat letak kereta. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah juga menjamin bekalan RMM A dan RMM B di Pulau Pinang. Senarai harga kawalan dan saiz RMM adalah seperti **Jadual 3** berikut:

<b>JENIS RMM</b>	<b>SAIZ</b>	<b>HARGA (RM)</b>
RMM A	650 kaki persegi (tanpa kemasan)	42,000.00
RMM B1	700 kaki persegi (tanpa kemasan)	72,500.00
RMM B2	750 kaki persegi (tanpa kemasan)	100,000.00
RMM C1	750 kaki persegi (dengan kemasan)	150,000.00
RMM C2	800 kaki persegi (dengan kemasan)	250,000.00
RMM C3	850 kaki persegi (dengan kemasan)	300,000.00

**Jadual 3**

Kerajaan Negeri juga menetapkan tempoh moratorium lima (5) tahun bagi RMM C serta sepuluh (10) tahun untuk RMM A dan B bagi mengekang spekulasi hartanah khususnya bagi perumahan bersubsidi ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

10. Apakah perancangan Kerajaan Negeri di Skim Perumahan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Sungai Dua?
- (a) Adakah perumahan yang sedia ada akan dirobohkan dan dibina dengan skim perumahan yang baru?
  - (b) Nyatakan juga perancangan di tanah MBPP di Kampung Selamat bersebelahan dengan Silver Jubilee Home.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Skim Rumah Pangsa Sungai Dua milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terdiri daripada 120 unit kediaman. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 33 unit telah dijual, manakala baki 87 unit lagi dibuka untuk penyewaan kepada orang awam dan kakitangan MBPP. MBPP telah melantik Team PDB Sdn. Bhd. pada 15 April 2024 sebagai perunding bagi tujuan penyediaan Laporan Kajian Pengukuhan Bangunan. MBPP turut melantik Syarikat EAD Property Management Sdn. Bhd. sebagai ejen pengurusan untuk tempoh 1 April 2023 sehingga 31 Mac 2025 bagi memastikan bangunan perumahan tersebut diurus dan diselenggara dengan baik.
- (a) Cadangan pembangunan yang melibatkan sebuah bangunan MBPP, pembangunan semula kawasan bersebelahan terminal bas dan satu (1) skim perumahan di Jalan Sungai Dua sedang dalam perancangan. Terkini, surat pelawaan perunding dan reka bentuk bangunan telah diedarkan kepada Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) pada 29 Oktober 2024. Pelawaan tersebut akan ditutup pada 30 Disember 2024. Panggilan

*Request for Proposal* (RFP) bagi cadangan pembangunan berkenaan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2025 sebaik sahaja pelantikan perunding dibuat.

- (b) Bagi cadangan pembangunan di atas tanah MBPP di Kampung Selamat, ia masih di peringkat kajian kebolehlaksanaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

11. Apakah strategi yang ada untuk menguruskan jumlah pelancong yang meningkat di Penang Hill bagi memastikan pengalaman yang lebih baik bagi pengunjung?
- (a) Apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil untuk melindungi pengunjung di Penang Hill, terutamanya semasa musim hujan atau cuaca buruk?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Pelbagai usaha bagi meningkatkan kemudahan dan infrastruktur telah dilaksanakan oleh Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dalam menguruskan peningkatan jumlah pengunjung. Usaha ini dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan pengunjung dapat terus menikmati keindahan di Bukit Bendera dengan selesa dan selamat.

PBBPP telah menambah baik dan meningkatkan fasiliti sejak tahun 2012 melibatkan pembinaan komponen *Elevated Walkway* dan pembinaan *Retractable Roof* di Stesen Bawah bagi meningkatkan ruang menunggu yang berbumbung, fasiliti dan landskap. Pada tahun 2015, PBBPP telah melaksanakan *projek Sky Walk & Lift*, *projek View Decks & Gardens* serta pembesaran  *Holding Area* di Stesen Atas bagi meningkatkan kemudahan dan keselesaan pengunjung. Pembangunan Stesen Bawah telah dilaksanakan semula pada tahun 2019 bagi meningkatkan fasiliti dengan memperkenalkan sistem *E-boarding* atau *Electronic Queue Management System (EQMS)* bagi memberi paparan maklumat kepada pengunjung mengenai anggaran masa menaiki funikular.

PBBPP turut membangunkan *Penang Hill Gallery@Edgecliff* pada tahun 2022 yang memaparkan maklumat sejarah, evolusi funikular generasi pertama sehingga terkini serta pusat biodiversiti alam semulajadi di Bukit Bendera. Melalui projek terbaharu iaitu menaik taraf Stesen Bukit Bendera yang telah dirasmikan pada 3 Februari 2024, kawasan ruang menunggu dalam Stesen Atas telah diperluaskan dan Sistem *EQMS 2.0* turut dilaksanakan melalui projek ini.

Fokus utama PBBPP bagi tahun 2025 adalah pembangunan semula Bangunan Astaka Bukit Bendera (Fasa 5). Pelaksanaan projek ini dianggarkan mengambil masa selama 24 bulan mulai suku pertama tahun 2025. Di samping itu, PBBPP telah menyediakan *Summit Area Concept Master Plan* bagi memastikan aktiviti pembangunan di kawasan utama Bukit Bendera dilaksanakan secara terancang dan menyeluruh.

Selain itu, pelaksanaan projek kereta kabel secara *Public Private Partnership* (PPP) bersama Syarikat Hartasuma Sdn. Bhd merupakan mod pengangkutan alternatif ke Bukit Bendera yang akan mengurangkan kesesakan di kawasan Stesen Bawah Bukit Bendera. Projek ini dijangka siap pada hujung tahun 2026.

PBBPP juga telah merancang beberapa program bagi memberikan pengalaman yang berharga kepada pengunjung seperti *Experience Penang Hill* untuk merasai keindahan alam semula jadi, sejarah dan warisan budaya di Bukit Bendera dengan lebih mendalam. PBBPP turut menganjurkan acara tahunan *Penang Hill Festival* sejak dari tahun 2018 bagi mempromosi dan memberi kesedaran kepada pengunjung tentang alam semula jadi, flora dan fauna, kekayaan sejarah serta warisan budaya yang terdapat di Bukit Bendera. Program Jelajah Alam Semula Jadi & Warisan Berpandu (*Guided Nature & Heritage Walks*) di Bukit Bendera menawarkan peluang istimewa kepada pengunjung untuk menerokai keindahan flora dan fauna sambil mendalami sejarah serta warisan budaya Bukit Bendera yang kaya dengan pelbagai cerita.

- (a) PBBPP menjalankan dua (2) penyelenggaraan berjadual utama pada setiap tahun di bawah pengawasan jurutera pengeluar funikular (Garaventa AG dari Switzerland) bagi memastikan sistem funikular sentiasa berada dalam keadaan terbaik dan menjalani pemeriksaan yang ketat. PBBPP juga menjalankan pemeriksaan berkala dan penyelenggaraan

sistem funikular setiap hari selepas tamat waktu operasi funikular Bukit Bendera, mingguan dan bulanan.

Pihak PBBPP juga melaksanakan pemeriksaan tahunan funikular oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pulau Pinang (JKKP) untuk memastikan funikular berada dalam keadaan selamat bagi memperbaharui permit perakuan kelayakan yang ditetapkan.

Selain itu, sekiranya berada dalam keadaan hujan lebat atau cuaca buruk, pihak PBBPP akan mengambil langkah dengan mengurangkan had laju funikular dan akan menghentikan sementara perkhidmatan funikular sekiranya perlu.

Pihak PBBPP turut melaksanakan pemantauan cerun secara berkala serta projek penstabilan cerun dan integriti struktur landasan funikular bagi memastikan kawasan ini terpelihara dan selamat digunakan oleh penduduk dan pengunjung Bukit Bendera. Tambahan lagi, PBBPP juga menjalankan aktiviti penanaman pokok bagi menambah baik ekosistem dan biodiversiti di kawasan Bukit Bendera.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

12. Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk mempromosikan sektor pelancongan di negeri ini?
- (a) Adakah terdapat usaha untuk memperbaiki aksesibiliti ke kawasan pelancongan yang kurang dikenali?
  - (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mempromosikan KADUN Batu Uban sebagai destinasi pelancongan dan meningkatkan peluang ekonomi bagi penduduk setempat?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Strategi Kerajaan Negeri untuk mempromosikan sektor pelancongan di negeri ini adalah dengan:
- (i) Menganjur dan menyokong acara pelancongan di Pulau Pinang seperti karnival, perayaan, acara kebudayaan dan sebagainya;
  - (ii) Menyertai aktiviti promosi pelancongan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri di dalam negara serta menjalankan aktiviti pemasaran; dan
  - (iii) Menyertai jerayawara di peringkat antarabangsa yang akan tertumpu kepada *Business to Business* (B2B) dan *Business to Consumer* (B2C). Penyertaan jerayawara di luar negara bersama pemain industri Pulau Pinang dan menghadiri pameran perdagangan yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia. Kerajaan Negeri juga bekerjasama rapat dengan semua rakan kongsi

seperti Tourism Malaysia (ibu pejabat dan luar negara), syarikat penerbangan, *Onlines Travel Agents* (OTA), dan menerusi kempen taktikal untuk membawa lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) sentiasa mempromosi semua lokasi pelancongan di Negeri Pulau Pinang termasuk lokasi-lokasi yang kurang dikenali. Aksesibiliti ke kawasan pelancongan yang kurang dikenali sentiasa diselenggara dan dinaik taraf oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- (b) Kerajaan Negeri mempromosi Pusat Konvensyen SPICE yang berdekatan dengan KADUN Batu Uban sebagai destinasi *Meetings, Incentives, Conferences & Exhibitions* (MICE). Usaha ini menarik pelawat antarabangsa dan domestik serta menjana peluang ekonomi tempatan melalui peningkatan trafik pelancongan. Limpahan ekonomi kepada kawasan berhampiran di KADUN Batu Uban juga dirasai.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

13. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf infrastruktur di KADUN Batu Uban, khususnya dalam aspek jalan raya dan kemudahan awam?
- (a) Senaraikan projek Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan agensi lain yang sedang dirancang di KADUN Batu Uban untuk tahun 2025.
  - (b) Bilakah JKR akan membina bumbung di atas jejantas pejalan kaki Batu Uban?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang berkaitan mempunyai perancangan untuk menaik taraf infrastruktur di KADUN Batu Uban khususnya melibatkan infrastruktur jalan raya dan kemudahan awam.
- (a) Senarai projek yang sedang dirancang di KADUN Batu Uban untuk tahun 2025 adalah seperti yang berikut:
    - (i) Menaik taraf laluan pejalan kaki dan longkang serta lain-lain kerja berkaitan di Lintang Permai, Batu Uban dan kawasan sekitar;
    - (ii) Menaik taraf laluan pejalan kaki dan longkang serta lain-lain kerja berkaitan di Changkat Bukit Gambir, Batu Uban dan kawasan sekitar;

- (iii) Menaik taraf tanah lapang taman kejiranan Lengkok Nipah, Bayan Lepas; dan
  - (iv) Pengindahan landskap melalui penanaman pokok Bougainvillea di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.
- (b) Bahagian Kejuruteraan Pemulihan Jambatan, Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah mengadakan siasatan tapak bagi tujuan pemeriksaan keadaan jejantas tersebut pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan diluluskan bagi kerja-kerja penyenggaraan pada tahun semasa. Permohonan peruntukan bagi kerja-kerja membina bumbung di atas jejantas pejalan kaki Batu Uban telah diangkat semula di dalam Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) tahun 2025 iaitu di bawah Kerja Berkala Bukan Pavemen bagi kelulusan peruntukan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

14. Klinik Kesihatan (KK) Sungai Dua dan Bukit Jambul menerima pengunjung yang ramai.
- (a) Adakah terdapat perancangan untuk membina KK Bukit Jambul yang baru?
  - (b) Adakah terdapat sebarang rancangan untuk lanjutkan waktu operasi KK Sungai Dua bagi memenuhi keperluan penduduk setempat, terutamanya pada waktu malam dan hujung minggu?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. (a) Sehingga kini, tiada perancangan untuk membina Klinik Kesihatan Bukit Jambul yang baharu kerana ketiadaan tapak di kawasan sekitar milik Kementerian Kesihatan Malaysia untuk membina klinik kesihatan baharu, namun demikian Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sentiasa memantau serta mengadakan perancangan jangka masa panjang bagi menampung keperluan kesihatan awam susulan daripada peningkatan populasi di kawasan tersebut.
- (b) Buat masa kini, tiada perancangan yang diambil untuk melanjutkan waktu operasi Klinik Kesihatan Sungai Dua (Daerah Timur Laut) namun perkara tersebut akan diteliti dengan sewajarnya mengikut sumber manusia dan peruntukan yang sedia ada.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

15. Adakah terdapat rancangan untuk meningkatkan kemudahan dan peralatan di Hospital Pulau Pinang (HPP) bagi memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pesakit?
- (a) Apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan staf di hospital, termasuk pengambilan doktor dan jururawat tambahan?
  - (b) Apakah bentuk kerjasama yang wujud dalam meningkatkan kesedaran kesihatan kepada masyarakat?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan Hospital Pulau Pinang (HPP) sentiasa komited dalam memberi kemudahan kesihatan kepada pesakit. Antara projek-projek utama dalam usaha meningkatkan fasiliti di Hospital Pulau Pinang adalah:
- (i) Projek dalam pembinaan iaitu projek Blok Kuarters HPP, Blok Wanita dan Kanak-Kanak, Blok Baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel HPP dan juga Blok Klinik Pakar dan Wad;
  - (ii) Manakala, projek yang sedang dimohon adalah projek Makmal Patologi Forensik, Kompleks Kesihatan Mental dan pembaikan serta naik taraf wad Kelas Satu; dan
  - (iii) Projek yang telah diluluskan adalah Penggantian Sistem PABX Analog ke Digital HPP.

- (a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil maklum akan isu kekurangan anggota kesihatan di fasiliti kesihatan di Pulau Pinang dan isu ini dalam proses penambahbaikan serta agihan anggota kesihatan berdasarkan keperluan perkhidmatan.
- (b) JKNPP melalui Cawangan Promosi Kesihatan Negeri (CPKN) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan kesedaran kesihatan kepada masyarakat. Antara usaha yang dilaksana bersama Agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, persatuan, pertubuhan, NGO dan komuniti, adalah:
  - (i) Menyampaikan maklumat kesihatan kepada masyarakat melalui media massa dan media sosial;
  - (ii) Menjalankan aktiviti perhubungan awam dengan menganjurkan majlis pelancaran kempen kesihatan seperti Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat, Bulan Malaysia Sihat Sejahtera dan Hari-hari Khas Kesihatan;
  - (iii) Mengadakan aktiviti jangkau luar (*outreach*) dengan melaksanakan aktiviti hebahan awam dan mendirikan pameran mini melalui Unit Bergerak Promosi Kesihatan secara berjadual;
  - (iv) Melaksanakan aktiviti jangkau luar (*outreach*) dengan menggunakan Trak *Wellness on Wheels* (WoW) yang mengadakan pelbagai aktiviti berkaitan kesihatan terus kepada masyarakat;
  - (v) Mengadakan latihan kepada komuniti untuk memperkasa komuniti bagi menjaga kesihatan secara sendiri;
  - (vi) Menggerakkan masyarakat melaksanakan Program Kesihatan di lokaliti masing-masing melalui Program Ejen Kesihatan Komuniti (MyCHAMPION); dan
  - (vii) Menjalankan program/aktiviti untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kefahaman tentang kesihatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

16. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh aktiviti jiran seperti penyimpanan barangan sampah dan barangan lusuh?
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menangani aduan mengenai pencemaran yang dibuat?
  - (b) Adakah terdapat undang-undang yang ketat mengenai pencemaran dan bagaimanakah menguatkuasakan undang-undang ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengambil tindakan untuk mengatasi pencemaran yang disebabkan oleh aktiviti penyimpanan sampah dan barangan lusuh melalui Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. PBT boleh mengambil tindakan dengan menghantar Notis Mengkehendaki Kacau Ganggu dihapuskan kepada pemunya tanah atau premis yang menyimpan barangan lusuh dan barangan sampah.

- (a) Aduan boleh ditangani melalui operasi bersepadu antara beberapa agensi kerajaan seperti Pejabat Kesihatan Daerah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Daerah dan Tanah serta agensi lain yang terlibat. Berikut merupakan tindakan daripada pihak PBT:
- (i) Notis Menghendaki Kacau Ganggu Dihapuskan di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi memaklumkan pemilik supaya melakukan kerja-kerja pembersihan barangan lusuh yang telah menimbulkan kacau ganggu;
  - (ii) Jika rumah, bangunan atau tanah berada dalam keadaan kotor dan telah menimbulkan kacau gangguan kepada orang awam, kompaun disebabkan oleh kesalahan di bawah Seksyen 74 Akta Kerajaan Tempatan 1976;
  - (iii) Operasi rampasan dan pembersihan barangan lusuh di dalam kawasan premis kediaman apabila pemilik tidak memberi kerjasama dan tuntutan terhadap pemilik untuk membayar perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk operasi dan pembersihan tersebut; dan
  - (iv) Tindakan pendakwaan di mahkamah.

Manakala, bagi Jabatan Alam Sekitar (JAS) pula, sekiranya terdapat aduan mengenai penyimpanan atau penstoran buangan terjadual (buangan elektrik dan elektronik), JAS akan menjalankan siasatan penguatkuasaan serta mengambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

- (b) Untuk menangani pencemaran alam sekitar seperti penyimpanan barangan sampah dan barangan lusuh, PBT menerusi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menggunakan undang-undang seperti berikut:
- (i) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Seksyen 80 dan 82, serta Seksyen 70A, untuk menghapuskan kacau ganggu;

- (ii) Jika diletakkan di tempat awam, ia akan ditadbir mengikut Seksyen 47 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974; dan
- (iii) Undang-undang Kecil (Tred, Perniagaan dan Perindustrian) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) 1991 melibatkan tindakan mengkompaun dengan mengeluarkan Pemberitahu Kesalahan untuk kesalahan beroperasi tanpa lesen.

Bagi JAS pula, undang-undang seperti berikut yang membolehkan tindakan untuk diambil ke atas pesalah:

- (i) Di bawah Seksyen 45, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, denda yang dikenakan untuk kesalahan tidak boleh melebihi 50% daripada denda maksimum;
- (ii) Untuk kesalahan di bawah Seksyen 34A, kegagalan untuk mengemukakan laporan penilaian kesan alam sekeliling untuk operasi penstoran luar tapak/kemudahan pengolahan atau pemerolehan kembali buangan terjadual boleh membawa kepada hukuman pemenjaraan tidak melebihi lima tahun dan denda yang tidak boleh melebihi RM100,000.00 atau RM10 juta; dan
- (iii) Di bawah Seksyen 18(1) iaitu menjalankan operasi penstoran luar tapak/kemudahan pengolahan atau pemerolehan kembali buangan terjadual tanpa lesen adalah salah laku yang boleh didenda tidak kurang daripada RM25,000.00 dan tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun jika disabitkan kesalahan di mahkamah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

17. Apakah status terkini projek Transit Aliran Ringan (LRT)?
- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan integrasi yang lancar dengan mod pengangkutan lain?
  - (b) Apakah rancangan untuk pembangunan kawasan sekitar stesen LRT?
  - (c) Adakah terdapat pelan untuk membangunkan kawasan yang berdekatan dengan stesen bagi menarik lebih ramai pengguna?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. MRT Corp sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses rundingan peringkat akhir dengan SRS Consortium berkenaan kontrak *Civil Main Contractor 1* (CMC1) untuk pembinaan Fasa 1 Laluan Mutiara iaitu daripada Komtar ke Pulau Silikon. Tarikh bermula pembinaan tertakluk kepada pemuktamadan rundingan tersebut.
- (a) Antara langkah-langkah yang diambil untuk memastikan integrasi yang lancar dengan mod pengangkutan lain ialah seperti berikut:
    - (i) Sistem LRT ini akan disokong dengan perkhidmatan bas henti dan juga perkhidmatan bas perantara (*feeder bus*); dan

- (ii) Laluan Mutiara akan berintegrasi dengan hub pengangkutan yang lain seperti Terminal Bas KOMTAR, Terminal Bas Penang Sentral, Stesen KTM Komuter dan *Electric Train Service* (ETS) di Butterworth, Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong dan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas yang akan mempunyai mod pengangkutan yang pelbagai.
- (b) Antara rancangan untuk pembangunan kawasan sekitar stesen LRT adalah dengan membangunkan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD). TOD tersebut boleh diadakan di beberapa stesen mengikut keperluan pemaju hartanah. Lokasi stesen yang berpotensi dibangunkan untuk TOD dalam kajian pihak MRTTC bersama Kerajaan Negeri.
- (c) Selain Pembangunan TOD dibangunkan, Kerajaan Negeri turut mengalu-alukan pihak swasta untuk turut serta membangunkan kawasan-kawasan di sekitar stesen-stesen LRT yang akan dibina dengan pembangunan komersil atau perumahan dalam usaha untuk meningkatkan kemajuan Pembangunan Ekonomi Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

18. Dunia sekarang berkembang pesat seiring dengan teknologi, nyatakan usaha Kerajaan Negeri menyediakan generasi yang memenuhi kehendak masa hadapan seiring dengan kepesatan semasa.
- (a) Apakah strategi untuk memastikan pelajar daripada pelbagai latar belakang dari kawasan luar bandar terlibat dalam program-program sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM)?
  - (b) Apakah usaha dan kerjasama dengan sektor swasta dalam STEM?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan STEM seperti Tech Dome Penang telah mengetengahkan beberapa strategi untuk memastikan para pelajar daripada pelbagai latar belakang dari kawasan luar bandar untuk terlibat dalam program-program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Antaranya ialah mengadakan program *STEM Exploration* yang mana peralatan STEM berteknologi tinggi, bahan bengkel dan tenaga pakar STEM telah dibawakan khas ke sekolah-sekolah di kawasan luar bandar untuk memastikan para pelajar di sana mendapat pendedahan yang sama seperti pelajar-pelajar di kawasan bandar. Seterusnya adalah bantuan dan sokongan infrastruktur serta modul pendidikan bagi membantu para pelajar dan melatih guru-guru dalam teknologi digital terhadap kaedah mengakses pembelajaran digital dan teknologi. Selain

itu, Kerajaan Negeri juga menyokong segala inisiatif yang dianjurkan oleh agensi STEM seperti menyediakan pengangkutan kepada para pelajar dari keluarga luar bandar untuk menyertai program sains dan teknologi secara langsung di Tech Dome Penang.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjalin jaringan kerjasama dengan sektor swasta terutamanya dalam program bimbingan dan lawatan industri melibatkan jurutera dan saintis sebagai mentor kepada para pelajar dalam pelbagai aktiviti melibatkan STEM. Tambahan lagi, terdapat platform khas seperti *Corporate STEM Showcase* yang diadakan bertujuan memberikan peluang kepada sektor swasta untuk mempromosikan kerjaya dalam bidang STEM manakala syarikat multinasional dan syarikat-syarikat besar tempatan memperkenalkan latar belakang korporat dan teknologi kepada orang awam khususnya para pelajar. Di samping itu, syarikat-syarikat swasta seperti Greatech, Flex, Micron dan Jabil telah menaja beberapa buah peralatan teknologi bagi memudahkan pelaksanaan program STEM di sekolah-sekolah terpilih.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

19. Kesesakan pada waktu puncak di Persimpangan Bukit Gambir 5 dan di Persimpangan Bukit Jambul menghala ke SPICE Arena.
- (a) Apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi kesesakan ini?
  - (b) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menambah baik sistem pengurusan lalu lintas seperti lampu isyarat dan pelebaran jalan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. (a) Tindakan Jangka Pendek

Antara tindakan-tindakan jangka pendek yang telah diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Tun Dr. Awang dari arah Kompleks Bukit Jambul menghala ke SPICE Arena adalah seperti berikut:

- (i) Membuat pelebaran jalan di sebahagian Jalan Tun Dr. Awang di kawasan persimpangan Jalan Bukit Gambir menghala ke SPICE Arena dengan menyediakan dua (2) lorong terus dan dua (2) lorong belokan kanan;
- (ii) Membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan 'green wave';

- (iii) Meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan bekerjasama dengan pihak polis untuk mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan pada waktu puncak; dan
- (iv) Bekerjasama dengan Rapid Penang untuk menambah baik perkhidmatan bas awam agar menjadi pilihan pengguna di Negeri Pulau Pinang.

### Tindakan Jangka Panjang

Antara tindakan-tindakan jangka masa panjang yang telah diambil oleh MBPP adalah dengan membina infrastruktur untuk melegakan kesesakan di kawasan ini dan Bayan Baru secara keseluruhan iaitu seperti berikut:

- (i) Mengenakan syarat-syarat naik taraf infrastruktur kepada pihak pemaju di bawah projek pembangunan *Penang International Commercial City* (PICC). Jangkaan penyiapan kerja-kerja naik taraf adalah pada tahun 2030. Kerja-kerja naik taraf infrastruktur yang terlibat adalah menaik taraf persimpangan Jalan Tun Dr. Awang / Jalan Bukit Gambir dengan membina persimpangan bertingkat, pembinaan laluan bawah (*underpass*) di Bulatan Bayan Baru dan kerja-kerja pelebaran jalan Tun Dr. Awang dari Persimpangan Jalan Bukit Gambir ke Persiaran Bukit Jambul;
- (ii) Menaik taraf lampu isyarat di 17 persimpangan di sepanjang Jalan Tun Dr. Awang antara Bulatan Bayan Baru sehingga Jalan Tengah dan kawasan sekitarnya kepada sistem lampu isyarat pintar dan adaptif. Kerja-kerja sedang dilaksanakan dan dijangka beroperasi pada hujung bulan November 2024;
- (iii) Kerajaan Negeri juga telah meluluskan Pelan Induk Pengangkutan Awam Pulau Pinang yang memberi tumpuan untuk mewujudkan proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan di Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek sistem *Light*

*Railway System* (LRT) yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dari George Town ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan dijangka akan disiapkan pada tahun 2030. Laluan LRT ini akan melalui Jalan Tun Dr. Awang dan sebuah stesen LRT akan dibina berhampiran persimpangan Jalan Tun Dr. Awang / Jalan Bukit Gambir; dan

- (iv) Cadangan Lebuhraya Projek *Pan Island Link 1* iaitu lebuhraya yang akan menghubungkan kawasan selatan ke kawasan utara pulau dari Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah melalui Bayan Baru, Sungai Ara, Paya Terubong, Ayer Itam dan Jalan Gottlieb / Jalan Bagan Jermal ke Persiaran Gurney. Terdapat sebuah persimpangan tukar antara (*interchange*) berhampiran persimpangan Jalan Tengah / Jalan Tun Dr. Awang bagi menyuraikan lalu lintas di kawasan Bayan Baru ke arah Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (FIZ 4) atau ke utara pulau. Ini akan dapat mengurangkan kesesakan di Jalan Tun Dr. Awang dan kawasan Bukit Jambul serta Bayan Baru.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dari semasa ke semasa sentiasa menambah baik sistem pengurusan lalu lintas seperti melihat semula kitaran masa lampu isyarat dan keperluan pelebaran jalan di kawasan yang terlibat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

20. Apakah usaha yang dilakukan untuk memastikan semua kanak-kanak termasuk mereka yang berasal daripada keluarga kurang mampu mendapat akses kepada pendidikan berkualiti?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai program untuk mempromosikan pendidikan vokasional sebagai pilihan bagi pelajar selepas sekolah menengah?
  - (b) Apakah jenis kerjasama dengan sektor swasta untuk meningkatkan infrastruktur sekolah?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) untuk memastikan semua kanak-kanak termasuk mereka yang berasal daripada keluarga kurang mampu mendapat akses kepada pendidikan berkualiti adalah seperti berikut:
- (i) Memastikan semua kanak-kanak yang tercicir daripada keluarga miskin tegar, miskin tanpa mengira latar belakang, kembali bersekolah. Tiada kompromi untuk menidakkan mereka agar tidak bersekolah;
  - (ii) Membantu kanak-kanak yang tidak dapat hadir atas faktor kesihatan juga diberikan hak menerima pelajaran dengan

melaksanakan konsep penghantaran modular pelajaran ke rumah;

- (iii) Memastikan semua kanak-kanak mendapat hak menerima bantuan berdasarkan kelayakan dan menerima buku teks;
- (iv) Tiada dasar pilih kasih dalam memastikan semua murid mendapat hak pembelajaran yang sama;
- (v) Merealisasikan program Sekolah Dalam Hospital (SDH) di Hospital Seberang Jaya yang dilancarkan pada 5 Ogos 2024. SDH ini menyediakan pusat pembelajaran yang kondusif kepada murid yang sedang menerima rawatan berpanjangan lebih daripada 3 hari di hospital;
- (vi) Membuka peluang kepada murid fokus tahap sosioekonomi rendah mengikuti Program Anak Emas dengan Institusi Pendidikan Swasta dan Awam. Program PRIME di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) menyasarkan kumpulan murid kurang berkemampuan yang berada di Tingkatan 5. Program ini telah dijalankan sejak tahun 2022. Hal ini melibatkan institusi pendidikan swasta seperti Universiti Teknologi Petronas, DRB Universiti dan Multimedia Universiti (MMU) dan ianya terbuka untuk semua murid dari pelbagai latar belakang kaum dalam kumpulan keluarga yang kurang berkemampuan. Justeru, semua murid memperolehi peluang untuk mengikuti program pengenalan awal ke universiti mengikut bidang yang mereka minati. Program yang sama turut dilaksanakan dengan Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Perlis (UNiMAP) dan UiTM Pulau Pinang;
- (vii) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) melaksanakan projek khas Pendidikan antaranya Inapan Kasih Sayang yang menempatkan anak-anak fakir dan miskin (asnaf) serta menanggung kos sara hidup keluarga dengan membantu anak-anak asnaf untuk mendapat pendidikan secara percuma di peringkat sekolah rendah dengan peruntukan berjumlah RM2.2 juta bagi tahun 2024;
- (viii) Program kolaboratif ZPP dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Bantuan yang diberikan bertepatan

untuk semua murid fokus kurang berkemampuan agar mendapat akses pendidikan yang berkualiti; dan

- (ix) Kolaboratif dengan Yayasan Didik Negara bagi Projek *Smart Room* seperti di SK Permatang Pasir, SMK Permatang Pasir, SK Mengkuang, SMK Mengkuang dan SK Sri Permai. Projek Bilik Multisensori untuk murid pendidikan khas telah dibuat di SK Seri Sentosa di bawah kolaboratif dengan Syarikat Pembekal Susu Sekolah iaitu Able Farm Sdn. Bhd. Seterusnya projek pembinaan Kelas Multidimensi telah dibina di SK Sungai Acheh di bawah Syarikat Farm Fresh Sdn. Bhd.
- (a) Kerajaan Negeri mempunyai program untuk mempromosikan pendidikan vokasional sebagai pilihan bagi pelajar selepas sekolah menengah adalah seperti berikut:
  - (i) *Penang Skills Development Centre (PSDC)* menawarkan kursus teknikal dan pembangunan bakat dengan penglibatan industri serta memenuhi keperluan jurutera, juruteknik, pelajar dan juga akademia. PSDC menyediakan kursus berbentuk integrasi sistem, *cybersecurity*, pemodelan data statistik dan *augmented reality system development*. PSDC turut menawarkan program Sijil dan Diploma Kejuruteraan kepada individu selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pelajaran dalam Kejuruteraan Elektronik, Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Komputer. Program ini mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia. Selain itu, PSDC juga menawarkan kursus-kursus seperti Program *Technical Vocational Education and Training (TVET) PSDC, Malaysia Meister Programme* dan *Penang GBS Industry-Academy (PGIA)*. Kursus atau program-program latihan kemahiran tersebut ditawarkan kepada para pelajar, graduan baharu, pencari kerja, profesional bekerja, ahli akademik dan pemilik perniagaan melalui aplikasi persekitaran kerja sebenar di bawah bimbingan jurulatih yang cekap bagi membina potensi dan keupayaan mereka; dan
  - (ii) Pulau Pinang sebagai negeri perintis kepada pelaksanaan Program Tahfiz-TVET yang telah dilancarkan pada 9 Februari 2024. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim telah meluluskan peruntukan

sebanyak RM10 juta bagi pelaksanaan Program Tahfiz-TVET di Pulau Pinang. Program ini adalah kerjasama Kerajaan Negeri dengan Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) dalam merealisasikan fungsinya dalam membantu mengurangkan jurang ketidaksamarataan sosioekonomi bumiputera, hartanah, termasuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam pekerjaan berkemahiran di industri-industri tertentu di Pulau Pinang.

- (b) Kerajaan Negeri dimaklumkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), berdasarkan rekod JPNPP, tiada penglibatan pihak swasta dalam pembinaan infrastruktur bagi sekolah milik penuh kerajaan di Negeri Pulau Pinang. Namun begitu, JPNPP memaklumkan terdapat penglibatan sektor swasta dalam pembinaan infrastruktur bagi sekolah-sekolah persendirian, sekolah agama dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) / Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehubungan itu, Kerajaan Negeri amat berbesar hati menerima sebarang bentuk kerjasama yang ingin disalurkan oleh pihak swasta dalam pembangunan infrastruktur sekolah di Negeri Pulau Pinang mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

21. Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu sekolah-sekolah Tamil dan memastikan mereka mempunyai sumber yang mencukupi untuk operasi dan pembangunan?
- (a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk meningkatkan akses pendidikan bagi masyarakat India terutamanya di kawasan luar bandar?
  - (b) Adakah terdapat program khas untuk memperkasakan pendidikan teknik dan vokasional dalam kalangan pelajar India?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kuasa Sekolah Sekolah Tamil telah memperuntukkan sebanyak RM2.3 juta kepada 28 sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang dimana 150 ribu adalah bagi tujuan kontigensi seperti penyelenggaraan, bantuan kecemasan sekolah, 150 ribu bagi tujuan tadika swasta dan 2 juta bagi tujuan pentadbiran, pengurusan, pembangunan, pelaksanaan program dan kelas kemahiran seperti robotik dan lain lain.
- (a) Selain penyaluran peruntukan secara wang ringgit, jawatankuasa sekolah-sekolah Tamil juga turut membantu memudahkan pihak sekolah-sekolah Tamil dalam menyelesaikan isu-isu penempatan dan pemilikan tanah. Beberapa mesyuarat penyelarasan telah diadakan diantara wakil pemilik tanah dan pihak sekolah bagi melicinkan proses penukaran hakmilik tanah. Jawatankuasa ini turut

mengadakan beberapa sesi seminar dan kursus bagi memperkasakan pengetahuan dan motivasi pelajar pelajar sekolah Tamil Pulau Pinang.

(b) Sistem Pendidikan Technical and Vocational Education and Training (TVET) sedia ada telah membuka peluang kepada semua murid tanpa mengira latar belakang bangsa dan kaum. Di antara peluang yang di sediakan oleh KPM untuk aliran TVET adalah seperti berikut:

- (1) Lima (5) buah Kolej Vokasional yang menawarkan 13 kursus;
- (2) Sebuah Sekolah Menengah Teknik yang menawarkan lima (5) kursus;
- (3) Sekolah aliran perdana terdapat empat (4) bidang elektif yang boleh di masuki oleh murid setelah menamatkan pengajian di Tingkatan 3 iaitu:
  - (i) Mata Pelajaran Elektif Sains Ikhtisas (MPEI) Kemanusiaan - 3 subjek;
  - (ii) MPEI Sains Gunaan - 5 subjek;
  - (iii) Mata Pelajaran Vokasional (MPV) - 18 subjek; dan
  - (iv) Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) - 7 subjek.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

22. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai statistik terkini mengenai pengangguran dalam kalangan masyarakat India di Pulau Pinang dan apakah usaha diambil?
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyokong usahawan India dalam memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka?
  - (b) Apakah pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat India?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kadar pengangguran negeri Pulau Pinang menurun kepada 1.8 peratus (%) pada suku kedua tahun 2024 berbanding kadar yang dicatatkan pada suku kedua tahun 2023 iaitu 2.1 peratus (%). Namun begitu, berdasarkan sumber daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, tiada bilangan atau peratusan yang direkodkan mengikut etnik kumpulan atau kaum bagi kadar pengangguran di Pulau Pinang.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi isu pengangguran (tidak khusus kepada satu kaum) di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya melalui *outreach program* bersama institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi memberi kesedaran kepada para pelajar dan pencari kerja di Malaysia, khususnya di Pulau

Pinang tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negeri ini.

- (ii) Menubuhkan sekretariat kepada program subsidi latihan industri iaitu '*Penang Internship Subsidy Program*' (PISP) yang bertujuan sebagai salah satu peluang kepada pelajar di Malaysia dan seterusnya menarik bakat-bakat bagi mengikuti program latihan industri di syarikat-syarikat yang berkeelayakan untuk program ini dengan ditawarkan kadar elaun bulanan yang menarik.
- (iii) Menubuhkan sekretariat kepada program biasiswa '*Penang Future Foundation*' (PFF) yang merupakan program biasiswa yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia yang majoritinya adalah anak Pulau Pinang yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian mereka di Malaysia. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. Permohonan biasiswa PFF ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum, agama dan jantina. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada belia yang cemerlang dan layak tertakluk kepada terma dan syarat. Setelah berjaya menamatkan pengajian sarjana yang ditaja, pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor awam atau swasta.
- (iv) Jangkauan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif untuk dipanjangkan perkongsiannya kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta media sosial Facebook Pusat *Career Assistance and Talent* (CAT).
- (v) Kerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dalam mempromosikan program-program yang memberi manfaat melalui saluran komunikasi sedia ada seperti laman sesawang InvestPenang, Pusat CAT serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan.
- (vi) Kerjasama dengan TalentCorp dalam mempromosikan program '*MyNext, Career Comeback*' dan sebagainya melalui Facebook Pusat CAT serta menyalurkan inkuiri daripada

golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan bagi membantu mengisi kekosongan yang ada.

- (vii) Kerjasama dengan PERKESO dalam membantu pencari kerja melalui program-program yang ditawarkan oleh mereka (latihan, kaunseling, insentif kewangan & lain-lain).
- (viii) Kerajaan Negeri melalui *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) telah membangunkan portal kerjaya “*We Want You*”. Portal kerjaya “*We Want You*” berfungsi sebagai sebuah laman sesawang yang menyediakan platform untuk golongan majikan mengiklankan peluang pekerjaan, latihan industri atau “*internship*” dan “*freelancing*” secara percuma buat golongan belia yang mencari pekerjaan.
- (ix) Pelaksanaan Program *Digital Coach Scheme* dan *Digital Promoter Scheme* yang bertujuan untuk memberi peluang pekerjaan separuh masa kepada golongan yang memerlukannya. *Digital Coach Scheme* merupakan program memberi pengetahuan kepada golongan yang kurang berkemahiran dalam penggunaan teknologi digital terutamanya warga emas dan penduduk desa. *Digital Promoter Scheme* pula merupakan program menggalakkan penggunaan *e-wallet* oleh pengguna dan peniaga dalam menyokong usaha transaksi tanpa tunai.

Dengan pelbagai pelan perancangan yang tersenarai, peluang pekerjaan bagi industri-industri di Pulau Pinang secara langsung akan membuka peluang yang luas kepada warga Pulau Pinang bagi memenuhi kekosongan yang ditawarkan.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menaja sebahagian kos penganjuran Program Malaysia Madani Penang Indian SME Summit yang telah diadakan pada 22 Ogos 2024 di Hotel Spice Amari, Pulau Pinang. Program ini bertujuan untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam kalangan masyarakat India dengan mewujudkan rangkaian dan peluang yang lebih luas dalam bidang perniagaan bersama rakan usahawan, bakal pelanggan dan para pemimpin serta pemain industri. Dengan kehadiran hampir 100 orang peserta, diharapkan agar sokongan dan kerjasama program-program seperti ini menjadi titik permulaan kepada usahawan dalam kalangan masyarakat India dalam

memulakan dan meningkatkan lagi prestasi perniagaan masing-masing.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) sejak tahun 2008 yang memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang menjalankan perniagaan dan terbuka kepada kesemua kaum termasuk masyarakat India. Individu yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan adalah layak untuk mendapat bantuan peralatan dengan kadar siling bantuan alatan sebanyak RM3,000.00 dalam usaha mengembangkan lagi perniagaan sedia ada. Jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan ini adalah sebanyak RM250,000.00 setiap tahun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

23. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menghadapi cabaran masyarakat yang semakin menua di negeri ini?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan tindakan khusus untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas?
  - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk mendidik generasi muda tentang kepentingan menghargai dan memberi sokongan kepada warga emas?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa bersiap siaga dalam mencapai negeri menua di Malaysia. Sebagai respons terhadap trend ini, Kerajaan Negeri telah melancarkan pelbagai projek dan dasar yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan warga emas. Mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Kerajaan Negeri berusaha untuk mewujudkan persekitaran di mana golongan tua boleh menjalani kehidupan yang sihat dan aktif pada sebarang peringkat usia. Antara inisiatif yang dijalankan adalah:

Inisiatif Bandar Mesra Usia merupakan pendekatan menyeluruh untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas, dengan fokus pada mempromosikan penuaan aktif, meningkatkan kebolehcapaian, dan menggalakkan penyertaan sosial. Melalui kerjasama antara kerajaan negeri dan organisasi tempatan, usaha-usaha dilakukan untuk meningkatkan infrastruktur, perkhidmatan kesihatan, pengangkutan,

perkhidmatan sosial, dan peluang budaya untuk warga emas. Seiring dengan usaha-usaha ini, Pulau Pinang akan menjadi negeri contoh bandar mesra usia di Malaysia.

Dalam meningkatkan kualiti hidup warga emas, Kerajaan Negeri telah menyelaraskan dan menggabungkan Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif ke dalam inisiatif Bandar Mesra Usia melalui Pelan Tindakan Strategik yang telah dilancarkan pada bulan September 2024. Ia merangkumi fasa penuaan aktif iaitu fasa kesedaran, fasa integrasi, dan fasa kemampunan. Bagi memastikan negeri Pulau Pinang adalah negeri yang mesra usia, negeri yang mesra kepada warga emas, yang muda, yang dewasa, yang OKU, wanita dan lelaki, tiada yang ketinggalan, selaras dengan matlamat *Sustainable Development Goals, SDGs: Leaving No One Behind*.

Dalam usaha merapatkan jurang antara generasi dalam kalangan belia dan warga emas, Kerajaan Negeri telah menjalankan beberapa inisiatif seperti di bawah:

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan usaha sama Universiti Sains Malaysia (USM) telah menganjurkan sambutan tahunan Karnival Warga Emas yang pada tahun ini bertemakan “Memperkuh Hubungan Generasi dan Sinergi Sokongan Sosial,”. Tema ini telah menekankan kepentingan merapatkan jurang antara generasi sekaligus menyatukan pelbagai pihak untuk memperkuat sokongan sosial bagi golongan warga emas. Setiap aktiviti yang dijalankan memberi peluang kepada setiap lapisan masyarakat tidak kira peringkat umur untuk berinteraksi antara satu sama lain. Hal ini memberi pendedahan kepada generasi muda untuk sentiasa menghargai dan menyatakan sokongan mereka kepada golongan warga emas di sekeliling mereka. Inisiatif ini selari dengan visi Penang2030 dan juga Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia di dalam Domain 5 iaitu hormat dan keterangkuman sosial yang mempunyai matlamat untuk memastikan komuniti warga emas di Pulau Pinang merasai nilai, penghormatan, dan inklusif, manakala komuniti yang lebih meluas berkembang daripada sumbangan dan kebijaksanaan mereka.

JKM juga membantu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam mewujudkan pusat aktiviti yang boleh menghimpunkan warga emas bersama dengan golongan yang lebih muda dari pelbagai bangsa

dan latar belakang serta menjalankan aktiviti yang bersesuaian di situ.

Menjelang tahun 2025, inisiatif Bandar Mesra Usia (BMU) akan memastikan program-program yang dijalankan di bawah setiap domain berkaitan akan turut melibatkan penyertaan daripada pelbagai lapisan umur terutama generasi muda.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang bertindak sebagai pelaksana projek bekerjasama dengan Penang Women's Development Corporation (PWDC) telah memperkenalkan inisiatif Bandar Mesra Usia Pulau Pinang (Age Friendly City) seperti di **LAMPIRAN A**. Tujuan inisiatif ini dilaksanakan adalah untuk mewujudkan satu persekitaran yang mesra kepada semua golongan terutamanya warga emas. Pelan hala tuju ini akan dilaksanakan dalam tiga (3) fasa. Fasa pertama adalah pelaksanaan program kesedaran dan juga kajian bagi memahami jurang yang dihadapi oleh rakyat. Fasa kedua adalah pelaksanaan program berdasarkan polisi dan inisiatif hasil daripada dapatan kajian. Seterusnya, fasa ketiga pula adalah fasa terakhir di mana konsep bandar mesra usia akan dilaksanakan.

- (a) Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif pada 30 September 2022 bagi mengiktiraf dan memperkasakan warga emas sebagai aset pembangunan negeri selain meningkatkan kualiti hidup mereka. Pelan ini merangkumi beberapa aspek perancangan seperti berikut:
  - (i) Pelaksanaan program dan kempen untuk meningkatkan kesedaran tentang penuaan aktif;
  - (ii) Jaringan kerjasama melibatkan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha mempromosikan penuaan aktif;
  - (iii) Membuat kajian dan penyelidikan dalam mengenal pasti jurang serta kekangan yang sedia ada melalui pengumpulan data;
  - (iv) Penggubalan dasar yang mampan dengan bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, fizikal dan psikologi warga emas;

- (v) Menggalakkan penyertaan sukarelawan serta platform kerjasama kepada orang ramai agar ia membolehkan mereka menyumbang kembali kepada komuniti;
  - (vi) Menyediakan pusat aktiviti yang menggalakkan penggunaan ruang aktiviti antara generasi bagi mempromosikan penuaan aktif di usia muda;
  - (vii) Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk meningkatkan pencapaian yang lebih terangkum kepada sumber dan kemudahan; dan
  - (viii) Membuat pemantauan dan penilaian menyeluruh secara berterusan untuk penambahbaikan.
- (b) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui perkhidmatan komuniti memperkenalkan aktiviti Sukarelawan Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR), inisiatif ini merupakan Program kolaborasi strategik antara JKM dengan Majlis Pusat Kebajikan Se-Malaysia (MPKSM) bagi pelaksanaan di negeri Pulau Pinang. Program ini bertujuan memberi bantuan dan sokongan sosial kepada warga emas dan OKU untuk menjalani kehidupan seharian mereka dengan lebih selesa, dihormati dan tidak merasa mereka disisihkan. JKM juga membantu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam mewujudkan pusat aktiviti yang boleh menghimpunkan warga emas bersama dengan golongan yang lebih muda dari pelbagai bangsa dan latar belakang serta menjalankan aktiviti yang bersesuaian di situ. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) ialah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu khidmat komuniti kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Pelbagai aktiviti / program disediakan di PAWE seperti berikut:
- (i) Program keagamaan;
  - (ii) Program rekreasi;
  - (iii) Program terapi dan pemulihan;

- (iv) Program ceramah kesihatan; dan
- (v) Latihan atau kursus yang bersesuaian.

Sehingga Oktober 2024, terdapat sebanyak sembilan (9) PAWE di Negeri Pulau Pinang seperti senarai berikut:

- (i) PAWE Balik Pulau;
- (ii) PAWE Sungai Dua;
- (iii) PAWE Bukit Mertajam;
- (iv) PAWE Permatang Pauh;
- (v) PAWE Bayan Baru;
- (vi) PAWE Batu Kawan;
- (vii) PAWE Kepala Batas;
- (viii) PAWE Bukit Bendera; dan
- (ix) PAWE Jelutong.

Selari dengan Visi Penang2030 iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melaksanakan inisiatif Bandar Mesra Usia pada November 2022.

Inisiatif Bandar Mesra Usia adalah pendekatan menyeluruh merangkumi 8 domain utama, meliputi persekitaran sosial dan infrastruktur.

Objektif utama inisiatif Bandar Mesra Usia adalah:

- Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penuaan aktif dan sihat
- Memastikan Pulau Pinang sebagai bandar yang sesuai didiami untuk semua golongan terutamanya warga emas.
- Menggalakkan hubungan antara generasi dan semangat kemasyarakatan melalui pelbagai program

MBPP ingin menyeru semua pihak untuk bersama-sama menjayakan inisiatif Bandar Mesra Usia dan menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar yang selesa, selamat dan menyeluruh untuk semua golongan.

Bersama Kita Menjadikan  
Pulau Pinang Sebagai  
*Bandar Mesra Usia*

**SILA LAYARI**

<https://www.mbpp.gov.my/ms/perkhidmatan/bandar-mesra-usia>

UNTUK MENGETAHUI LEBIH LANJUT  
MENGENAI INISIATIF BANDAR  
MESRA USIA MBPP



Sila imbas Kod QR ini untuk mendapatkan akses kepada **Buku Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia MBPP**



**PULAU PINANG**  
*Bandar Mesra Usia*



**APA ITU BANDAR MESRA USIA?**

Bandar Mesra Usia adalah bandar yang mempunyai persekitaran yang selamat dan terangkum untuk semua peringkat umur, terutamanya kepada warga emas.

Terdapat 8 domain utama di bawah inisiatif Bandar Mesra Usia bagi memastikan kualiti hidup individu di sesebuah bandar lengkap, selesa dan selamat!

**MBPP & BANDAR MESRA USIA**

Pada 28 Julai 2023, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menerima pengiktirafan daripada *World Health Organization (WHO)* sebagai ahli *World Health Organizations's Global Network for Age-friendly Cities and Communities (WHO-GNAFCC)*.

MBPP yang bertindak sebagai Pelaksana Projek telah bekerjasama bersama *Penang Women's Development Corporation (PWDC)* selaku Pengurus Projek dan *Malaysian Healthy Ageing Society (MHAS)* selaku Konsultan Projek bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Mesra Usia.

**8 DOMAIN BANDAR MESRA USIA**



**8 SOKONGAN MASYARAKAT & PERKHIDMATAN KESIHATAN:** Perkhidmatan kesihatan dan sokongan yang boleh diakses dan berpatutan untuk menjaga kesihatan dan aktiviti warga emas

**1 RUANG AWAM DAN BANGUNAN:** Penyediaan tempat atau ruang luar yang bersih dan bersesuaian kepada setiap kelompok masyarakat.



**2 PENGANGKUTAN:** Sistem pengangkutan yang sesuai dan boleh diakses oleh semua masyarakat serta berpatutan, selamat, dan adil

**7 KOMUNIKASI DAN INFORMASI:** Penyediaan dan penyebaran maklumat kepada semua lapisan masyarakat dengan cara yang tepat, mudah diakses, dan mesra rakyat



**3 PERUMAHAN:** Pilihan perumahan yang berpatutan, direka bentuk dengan baik dan selamat.

**6 PENGLIBATAN SIVIK DAN PELUANG PEKERJAAN:** Bandar dan komuniti yang mesra usia menyediakan peluang sukarela dan pekerjaan berbayar yang bermaruah



**5 SALING MENGHORMATI & KETERANGKUMAN SOSIAL:** Masyarakat yang inklusif/terangkum menghargai & menunjukkan penghargaan terhadap

**4 PENGLIBATAN SOSIAL/ MASYARAKAT:** Mewujudkan program, aktiviti dan perkhidmatan yang merangkumi penglibatan semua lapisan masyarakat



**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

24. Berapakah peruntukan yang disalurkan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sejak lima tahun yang lalu?
- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk melibatkan masyarakat dalam proses pengambilan keputusan berkaitan RIBI?
  - (b) Senaraikan tanah-tanah RIBI di KADUN Batu Uban.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri telah menyalurkan sumbangan kewangan melalui Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam dan Peruntukan Khas kepada 183 buah RIBI dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM7,698,398.20 dalam tempoh lima tahun. Senarai terperinci peruntukan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Perbadanan Harmoni Pulau Pinang (HARMONICO) pada Mac 2021. HARMONICO berperanan sebagai agensi pelaksana dan penggerak dasar dan inisiatif berkaitan Hal Ehwal Agama Bukan Islam di Negeri Pulau Pinang di bawah Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Penubuhan HARMONICO atau Pusat Harmoni juga merupakan kaedah Kerajaan Negeri bagi menyelaraskan perihal terlibat bersama masyarakat berhubung program-program keagamaan dan pendedahan awal berkaitan dasar dan polisi.

- (b) Berdasarkan rekod PlanMalaysia melalui sistem SMARTPLAN mendapati bahawa terdapat sebanyak 22 buah RIBI yang berdaftar di bawah Kawasan ADUN Batu Uban. Senarai terperinci RIBI adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

**PERUNTUKAN TABUNG AMANAH RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN PERUNTUKAN KHAS YANG  
DISALURKAN KEPADA RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) DARI TAHUN 2020 HINGGA 2024**

<b>TAHUN</b>	<b>2020 (RM)</b>	<b>2021 (RM)</b>	<b>2022 (RM)</b>	<b>2023 (RM)</b>	<b>2024 (RM)</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>
Rumah Kongsi	100,000.00	150,000.00	237,850.00	177,760.00	200,000.00	865,610.00
Tokong Buddha	50,000.00	100,000.00	50,000.00	-	330,000.00	530,000.00
Tokong Tao	195,163.20	424,500.00	110,630.00	600,000.00	1,730,000.00	3,060,293.20
Kuil Hindu	150,000.00	299,950.00	50,000.00	499,800.00	780,000.00	1,779,750.00
Gereja	89,000.00	455,475.00	214,800.00	79,470.00	374,000.00	1,212,745.00
Gurdwara	50,000.00	-	-	-	-	50,000.00
Lain-Lain	-	-	-	-	200,000.00	200,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>634,163.20</b>	<b>1,429,925.00</b>	<b>663,280.00</b>	<b>1,357,030.00</b>	<b>3,614,000.00</b>	<b>7,698,398.20</b>

Nota : Sumber data daripada PlanMalaysia

**SENARAI NAMA RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM YANG MENERIMA PERUNTUKAN TABUNG AMANAH /  
PERUNTUKAN KHAS DARI TAHUN 2020 HINGGA 2024 DI KADUN BATU UBAN**

AGAMA	RIBI	BIL	SENARAI NAMA RIBI	JUMLAH LULUS (RM)	TAHUN
Tao	Tokong	1	Persatuan Penganut Dewa Koay Seng Ong	50,000.00	2023
		2	Persatuan Penganut Dewa Tai Hoo Tian Tua Gee Ya Peh	50,000.00	2023
		3	Persatuan Penganut Dewa Tai Seong Keong	50,000.00	2023
		4	Persatuan Penganut Dewa Hean Poh Tean	50,000.00	2023
		5	Persatuan Penganut Chi Yin Guan Dou Mu Gong	50,000.00	2023
		6	Pertubuhan Perayaan Yee Lan Seng Hooi Taman Bukit Jambul Pulau Pinang	50,000.00	2024
Hindu	Kuil	7	Sri Krishna Bagawan Alayam	50,000.00	2020
		8	Persatuan Penganut Dewa Sri Muneesvarar	50,000.00	2023
		9	Koil Sree Krishna Bahavan Sungai Dua, Pulau Pinang (Committee of Management of The Sree Krishna Bahavan Temple Sungai Dua, Penang)	20,000.00	2024
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>420,000.00</b>	

Nota : Sumber data daripada PlanMalaysia

## TANAH – TANAH RIBI DI KADUN BATU UBAN

JENIS	JUMLAH LOT
Rumah Kongsi	-
Tokong Cina	8
Kuil Hindu	6
Gereja	8
Gurdwara	-
Lain-Lain	-
<b>JUMLAH</b>	<b>22</b>

Nota : Sumber data daripada PlanMalaysia

## RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DI KADUN BATU UBAN

JENIS	BIL	JUMLAH
Tokong Cina	1.	Persatuan Penganut Chi Yin Guan Dou Mu Gong Pulau Pinang
	2.	Persatuan Penganut Dewa Koay Seng Ong Sungai Dua
	3.	Pertubuhan Perayaan Yee Lan Seng Hooi
	4.	Tokong Dewa Chai Ji Dian Pulau Pinang (Yu Feng Chai Ji Dian)
	5.	Tokong Dewa Hen Thean Seong Tay Sungai Dua
	6.	Tokong Dewa Kew Ong Tai Tay (Tow Boe Keong) Sungai Dua
	7.	Tokong Dewa Wang Lao Sean Shu Sungai Dua
	8.	Tokong Qing Yun Tian
Kuil Hindu	9.	Kuil Swamimalai Sri Muniswarar Alayam
	10.	Kuil Sri Veera Kaliamman Batu Uban Pulau Pinang
	11.	Arulmigu Sri Siva Subramaniam Madurai Veerar Kuil
	12.	Kuil Dewa Sri Muneeswarar Sungai Dua (Sri Jada Muneswarar Alayam)
	13.	Kuil Sree Krishna Bahavan, Sungai Dua
	14.	Kuil Sri Nagakanni Amman Alayam Lorong Endah
Gereja	15.	Gereja Baptist Sungai Dua
	16.	Gereja City Rock Pulau Pinang
	17.	Gereja Every Nation Pulau Pinang
	18.	Gereja Free Grace Baptist Sungai Dua
	19.	Gereja Methodist Century Garden Pulau Pinang
	20.	Gereja True Jesus Bayan Baru
	21.	Pusat Komuniti Excel (Gereja Baptist) Pulau Pinang
	22.	Pusat Servis Komuniti Adventist

Nota : Sumber data daripada PlanMalaysia

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

25. Nyatakan jumlah peruntukan dan kerja-kerja penyelenggaraan skim perumahan berstrata (TPM80) yang telah dilaksanakan sejak lima tahun yang lepas.
- (a) Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan di KADUN Batu Uban bagi tempoh tiga tahun yang lepas.
- (b) Berikan butiran jumlah projek yang tertangguh bagi KADUN Batu Uban.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Setiap tahun, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan tahunan sebanyak RM6,800,000.00 di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP) bagi tujuan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan perumahan berstrata swasta yang layak. Jumlah kelulusan dari tahun 2020 sehingga 31 Oktober 2024 adalah sebanyak RM52,025,857.47 dengan 251 bilangan kerja. Perincian kelulusan adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>BIL. KERJA</b>
2020	RM5,300,881.00	32
2021	RM8,522,606.21	38
2022	RM11,906,256.51	53
2023	RM10,867,412.25	47
2024	RM15,428,701.50	81
<b>JUMLAH</b>	<b>RM52,025,857.47</b>	<b>251</b>

- (a) Terdapat 22 buah projek yang telah dilaksanakan di bawah KADUN Batu Uban bagi tempoh tiga (3) yang lepas iaitu pada tahun 2022, 2023 dan 2024 (sehingga 31 Oktober 2024) dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM4,707,018.75. Perincian projek dan kos yang terlibat adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Senarai projek yang masih tertangguh (dalam senarai menunggu) di bawah KADUN Batu Uban sehingga 31 Oktober 2024 adalah sebanyak sepuluh (10) permohonan dengan anggaran kos pembaikan sebanyak RM3,00,000.00 seperti **LAMPIRAN B**.

## SENARAI PROJEK DI BAWAH KADUN BATU UBAN TAHUN 2022

BIL.	SENARAI PROJEK	KOS PROJEK
1	KERJA-KERJA MENAIK TARAF ENAM (6) UNIT LIF DI GAMBIER HEIGHTS APARTMENT, GELUGOR, DTL, PULAU PINANG	RM519,000.00
2	KERJA-KERJA MENYELENGGARA DAN PEMBAIKAN DUA (2) UNIT LIF DI BLOK 9 & 11 DI TAMAN JUBILEE FASA 3, LENGKOK NIPAH, DTL, PULAU PINANG	RM125,000.00
3	KERJA-KERJA MENAIK TARAF SATU (1) UNIT LIF DI LUCKY GARDENS, SUNGAI NIBONG, DTL, PULAU PINANG	RM151,900.00
4	KERJA-KERJA MENAIK TARAF SATU (1) UNIT LIF DI TAMAN LIP SIN BLOK 3, BAYAN LEPAS, DTL, PULAU PINANG	RM125,000.00
5	KERJA-KERJA PEMBAIKAN TANGKI AIR YANG ROSAK DAN SALURAN PAIP AIR UTAMA DARI TANGKI KE UNIT-UNIT RUMAH SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI BLOK 1, RUMAH PANGSA TAMAN JUBILEE FASA 2, DTL, PULAU PINANG	RM273,300.00
6	KERJA-KERJA MEMBAIKI KEBOCORAN LANTAI RATA (WATERPROOFING) DI RUMAH PANGSA TAMAN GAMBIR, DTL, PULAU PINANG (FASA 1)	RM190,150.00
7	KERJA-KERJA MEMBAIKI KEBOCORAN BUMBUNG LANTAI KONKRIT (WATERPROOFING) DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PANGSAPURI CENTRIO AVENUE (TOWER B) DTL, PULAU PINANG	RM225,200.00
8	KERJA-KERJA PEMBAIKAN TANGKI AIR YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI LIMA (5) BLOK TAMAN BUKTIT JAMBUL, DTL, PULAU PINANG	RM402,614.00
9	KERJA-KERJA MENAIK TARAF DAN PEMBAIKAN DUA (2) UNIT LIF DI TAMAN GAMBIR, DTL, PULAU PINANG	RM168,000.00
10	KERJA-KERJA MENYELENGGARA DAN PEMBAIKAN DUA (2) UNIT LIF DI TAMAN UTARA, TINGKAT BATU UBAN, DTL, PULAU PINANG	RM190,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>RM2,370,164.00</b>

**SENARAI PROJEK DI BAWAH KADUN BATU UBAN TAHUN 2023**

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK</b>
1	KERJA-KERJA MENAIK TARAF, TUKAR SISTEM BARU, TUKAR KOMPENEN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DUA (2) UNIT LIF DI RUMAH PANGSA DESA RIANG 5, DTL, PULAU PINANG	RM396,000.00
2	KERJA-KERJA MENAIK TARAF DUA (2) UNIT LIF DI TAMAN JED, BLOK 316, DTL, PULAU PINANG	RM192,000.00
3	KERJA-KERJA NAIK TARAF SISTEM PERPAIPAN, PENGGANTIAN DUA (2) UNIT PAM AIR DAN PEMBAIKAN TIGA (3) UNIT TANGKI AIR YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI BLOK 6 TAMAN LIP SIN, DTL, PULAU PINANG.	RM251,728.75
4	KERJA-KERJA NAIK TARAF KESELURUHAN SISTEM PERPAIPAN DAN PEMBAIKAN SATU (1) UNIT TANGKI AIR YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI BLOK 11 TAMAN JUBILEE 3, DTL, PULAU PINANG (FASA 1)	RM230,150.00
5	KERJA-KERJA NAIK TARAF SISTEM PERPAIPAN, PENGGANTIAN DUA (2) UNIT TANGKI AIR BARU DAN PEMBAIKAN WATERPROOFING YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI BLOK J, DESA PERMAI INDAH, DTL, PULAU PINANG.	RM479,990.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>RM1,549,868.75</b>

**SENARAI PROJEK DI BAWAH KADUN BATU UBAN TAHUN 2024**

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK</b>
1	KERJA-KERJA NAIK TARAF SISTEM PERPAIPAN DAN PEMBAIKAN SATU (1) UNIT TANGKI AIR YANG ROSAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI BLOK 9, TAMAN JUBILEE 3, DTL, PULAU PINANG	RM288,500.00
2	KERJA-KERJA MENUKAR MAIN CONTROLLER, CAR OPERATING PANEL, CAR DOOR CONTROLLER SYSTEM DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI DUA (2) UNIT LIF DI U-GARDEN, DTL, PULAU PINANG	RM340,000.00
3	KERJA-KERJA PEMBAIKAN TIGA (3) UNIT TANGKI AIR YANG BOCOR SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI DESA BESTARI BLOK B, DTL, PULAU PINANG.	RM114,000.00
4	KERJA-KERJA PEMBAIKAN DUA (2) UNIT TANGKI AIR YANG BOCOR SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI VILLA SRI KENANGA, DTL, PULAU PINANG.	RM80,100.00
5	KERJA-KERJA PEMBAIKAN ENAM (6) UNIT LIF DI E-PARK, JALAN BATU UBAN, PULAU PINANG	RM326,000.00
6	KERJA-KERJA PEMBAIKAN EMPAT (4) UNIT LIF SERTA NAIK TARAF SISTEM KAWALAN UTAMA DI TAMAN JADE VIEW, GELUGOR, PULAU PINANG	RM292,000.00
7	KERJA-KERJA PEMBAIKAN LAPISAN KALIS AIR (WATERPROOFING) SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI SUNWAY CERIA, DTL, PULAU PINANG	RM107,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>RM1,547,600.00</b>

**LAMPIRAN B****SENARAI MENUNGGU DI BAWAH KADUN BATU UBAN TAHUN SEHINGGA 31  
OKTOBER 2024**

<b>BIL.</b>	<b>SENARAI PERMOHONAN</b>	<b>SKOP KERJA</b>
1	PERBADANAN PENGURUSAN MEDAN MUTIARA	MENGECAT
2	PERBADANAN PENGURUSAN SRI BUKIT JAMBUL	MENGECAT
3	BADAN PENGURUSAN BERSAMA CENTRIO AVENUE	BUMBUNG
4	PERBADANAN PENGURUSAN BLOK ABC TAMAN BUKIT JAMBUL	LIF
5	PERBADANAN PENGURUSAN GAMBIER HEIGHTS	LIF
6	PERBADANAN PENGURUSAN BLOK 33 TAMAN PEKAKA	TANGKI AIR
7	BADAN PENGURUSAN BERSAMA BUKIT JAMBUL COURT	TANGKI AIR
8	PERBADANAN PENGURUSAN TAMAN BUKIT JAMBUL	TANGKI AIR
9	PERBADANAN PENGURUSAN BLOK 2 TAMAN LIP SIN	TANGKI AIR
10	PERBADANAN PENGURUSAN CENTURY PARK	MENGECAT

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

26. Nyatakan program-program pembangunan belia dan sukan yang dijalankan di peringkat Negeri dan KADUN.
- (a) Senaraikan projek infrastruktur sukan termasuk membaik pulih kompleks sukan dan kemudahan-kemudahan lain bagi manfaat para atlet di negeri ini.
  - (b) Apakah status pembinaan gelanggang bola keranjang berbumbung baharu di Taman Pekaka, KADUN Batu Uban?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Program-program pembangunan belia yang dijalankan mengikut KADUN adalah seperti di **LAMPIRAN A** manakala program pembangunan sukan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (a) Antara projek infrastruktur sukan yang dalam pelaksanaan atau telah dibangunkan bagi manfaat atlet di negeri ini adalah seperti berikut:
    - (i) Kerja-kerja menaik taraf Akademi *Billiard & Snooker* Wilayah Utara;
    - (ii) Kerja-kerja meroboh serta membina bangunan asrama baharu empat tingkat di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP);
    - (iii) Kerja-kerja menaik taraf lampu limpah padang bola sepak;

- (iv) Menaik taraf gelanggang tenis di Kompleks Sukan Bertam;
- (v) Menaik taraf kolam renang awam di Kompleks Sukan Jalan Betek;
- (vi) Kerja-kerja menaik taraf bangunan dan gelanggang tenis Kompleks Sukan dan Rekreasi Sony, Seberang Jaya;
- (vii) Menaik taraf Dewan Bola Tampar, Kampung Buah Pala; dan
- (viii) Kerja-kerja menaik taraf Stadium Negeri Pulau Pinang, Kompleks Sukan Balik Pulau dan Dewan Millenium Kepala Batas.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan bagi menaik taraf gelanggang sukan awam di bawah Butiran Pembangunan P.01 (59). Antara projek yang telah dilaksanakan bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:

- (i) Kerja-kerja menaik taraf gelanggang bola jaring dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan Assumption, Bagan Dalam, Seberang Perai Utara;
- (ii) Kerja-kerja pembaikan pagar di gelanggang futsal Sungai Batu Teluk Kumbar serta lain-lain kerja berkaitan;
- (iii) Kerja-kerja menaik taraf gelanggang bola keranjang Taman Sahabat, Teluk Kumbar serta lain-lain kerja berkaitan;
- (iv) Kerja-kerja menaik taraf bumbung tambahan serta kerja berkaitan di gelanggang bola keranjang Taman Bukit Panchor;
- (v) Kerja menaik taraf dan membaiki gelanggang bola keranjang di Taman Kejiranan Macallum serta lain-lain kerja berkaitan;

- (vi) Kerja pembaikan gelanggang badminton Dewan MPKK Kampung Simpah dan lain-lain kerja Berkaitan di KADUN Bagan Jermal;
  - (vii) Kerja-kerja Pemasangan lampu limbah gelanggang futsal Kampung Jawa dan kerja berkaitan;
  - (viii) Kerja-kerja mengecat gelanggang Bandar Sri Pinang, Sungai Pinang serta kerja berkaitan; dan
  - (ix) Membekal dan memasang tiang bola keranjang jenis *shot clock* serta lain-lain kerja berkaitan di gelanggang bola keranjang Perkampungan Berapit.
- (b) Projek pembinaan gelanggang bola keranjang berbumbung di Taman Pekaka kini dalam peringkat penyediaan *Bill of Quantities* (BQ) oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Maklumat BQ yang disediakan akan diteliti dan pertimbangan pelaksanaan adalah berdasarkan kedudukan kewangan.

**SENARAI PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA YANG DILAKSANAKAN DI PERINGKAT NEGERI DAN KADUN BAGI JANUARI HINGGA OKTOBER 2024**

<b>KADUN</b>	<b>Program</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Penyertaan</b>
<b>N01 Penaga</b>	Majlis Berbuka Puasa JBPP Penaga	7 April 2024	135
	Sumbangan Hamper Aidilfitri JBPP Penaga kepada Agensi Kerajaan	8 April 2024	5
	Tayangan <i>LED Big Screen</i> UEFA Champion League Final	2 Jun 2024	535
	Pertandingan Memancing Peringkat KADUN Penaga	10 Ogos 2024	200
	Pertandingan Mewarna JBPP	19 Ogos 2024	50
<b>N03 Pinang Tunggal</b>	Merdeka Madani KADUN Pinang Tunggal	25 Ogos 2024	100
<b>N04 Permatang Berangan</b>	Program Ziarah Kasih Belia Peduli Masyarakat 2024	31 Julai 2024	32
	Program hari sukan negara: cergas bersama masyarakat	12 Oktober 2024	600

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N07 Sungai Puyu</b>	<i>Meow Woof Charity Market</i>	7 Januari 2024	300
	Pasar Percuma Butterworth	7 April 2024	2000
	<i>Canva Editing Workshop</i>	28 April 2024	14
	<i>Active Sungai Puyu Mother's Day Zumba Dance Party</i>	12 Mei 2024	100
	Bengkel Membuat Sabun dari Minyak	19 Mei 2024	30
	Kempen Derma Darah	9 Jun 2024	174
	Pasar Percuma Butterworth 2.0	21 Julai 2024	1000
	Santai Malam 2024 Bersama MPKK dan JPWK KADUN Sungai Puyu	8 Ogos 2024	150
	<i>Halloween Dance Party &amp; Night Market Sungai Puyu 2024</i>	26 Oktober 2024	1000
<b>N08 Bagan Jermal</b>	<i>Cashflow Game Session</i>	19 Mei 2024	35
	<i>Brave Journey Challenge</i>	11 Ogos 2024	1000
<b>N09 Bagan Dalam</b>	Lawatan ke Projek Menara Tenaga Nasional Berhad (TNB)	30 Mac 2024	40
	<i>Latte Art Workshop</i>	12 Mei 2024	60
	<i>Photography Workshop</i>	16 Jun 2024	40

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N10 Seberang Jaya</b>	Tayangan <i>Big Screen</i> Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027	26 Mac 2024	57
	Edaran Kurma Sempena Menyambut Bulan Ramadhan	3 April 2024	144
	Jualan Rahmah Bersama JBPP N10 Seberang Jaya	11 April 2024	240
	Rumah Terbuka Aidilfitri 2024	4 Mei 2024	200
	Konvoi Sambutan hari Belia Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang 2024	18 Mei 2024	50
	Pertandingan Sepak Penalti, Sambutan Hari Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang 2024	18 Mei 2024	58
	Jelajah <i>Rider</i> JBPP N10 Seberang Jaya ke Sungai Bakap Serta Edaran Bakul Makanan	29 Jun 2024	60
<b>N11 Permatang Pasir</b>	Jelajah Belia: Singgah Sahur @ Permatang Pasir	28 Mac 2024	60
	Belia Berkorban	18 Jun 2024	30
	Gotong-Royong Merdeka "GORO Merdeka"	25 Ogos 2024	40 - 60
	Santai Malam Minggu (Wayang Free: Takluk: lahad Datu)	13 September 2024	100

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N12 Penanti</b>	Geng Subuh Macam Jumaat	11 Feb 2024	200
	Majlis Berbuka Puasa & Moreh JBPP dan Pemuda Mengkuang Titi	4 April 2024	60
	Jamuan Hari Raya JBPP Penanti	7 Mei 2024	100
	Klinik Bola Sepak Kelab Bola Sepak DNA Faisal Halim	4 Mei 2024	30
	Program Make up Asas 2.0	21 Julai 2024	60
	Pertandingan <i>Carrom</i> Tertutup Pemuda Kuala Mengkuang	7 Julai 2024	50
	Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Jawatankuasa Belia Pulau Pinang	16 September 2024	240
<b>N13 Berapit</b>	Program Hari Keluarga Bersama Belia, kempen informasi dan buat wasiat dengan murah	27 Oktober 2024	200
<b>N14 Machang Bubuk</b>	<i>Mini Minds Science Discovery</i>	24 Ogos 2024	30-40
	Kejohanan Sepak Takraw Cherok Tokun	25 Oktober 2024	20-30

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N15 Padang Lalang</b>	Program Ceramah Feng Shui "Mengubah Nasib Menjadi Keberuntungan"	21 Januari 2024	70
	Program Karnival Hari Wesak berperingkat Negeri	25 Mei 2024	1000
	Program Ceramah Bantuan Kecemasan	22 Jun 2024	50
	<i>BM Euro Penalty</i>	28 Julai 2024	50
	Program Mesra dalam Kalangan Murid-murid Pelbagai Bangsa dan Agama Sempena Perayaan Pesta Tanglung	27 September 2024	1500
<b>N16 Perai</b>	Karnival Generasi Belia 1.0	20 Oktober 2024	2000
<b>N17 Bukit Tengah</b>	Makan Malam Sempena Majlis Apresiasi KADUN Bukit Tengah	10 Mac 2024	300
	Kempen Derma Darah	31 Mac 2024	52
	Kempen Derma Darah	28 April 2024	258
	<i>Amazing Race</i> Hari Malaysia Bukit Tengah	14 September 2024	100

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N18 Bukit Tambun</b>	Kejohanan Tarian Singa 2024	11 Mei 2024	300
	Program Sambutan Perayaan Duan Wu Bersama Belia Bukit Tambun	22 Jun 2024	150
	Program Pembersihan Jetty di Pantai Batu Musang (Misi Bersih Pantai: Jeti Batu Musang Berseri)	13 Julai 2024	100
	Sukaneka Merdeka Tahun 2024 (Sambutan Bulan Kemerdekaan)	31 Ogos 2024	300
<b>N20 Sungai Bakap</b>	Geng Subuh Macam Jumaat	9 Mac 2024	1000
	Jamuan Rumah Terbuka Aidilfitri 2024	27 April 2024	2000
	Program Tamiya Mini 4 WD Sungai Bakap challenge 2024	9 Jun 2024	70
	Jelajah Belia 2024: BBQ dan Sembang Santai Sungai Bakap	15 Jun 2024	80
	Fiesta Komuniti Sihat Seberang Perai Selatan	22 Jun 2024	78
	Jelajah Belia 2024 siri 3: Santai Belia @ Sungai Duri	4 Julai 2024	100
	Sembang durian bersama YBs	4 Julai 2024	56
	Merdeka <i>Night Enduro &amp; Camping</i>	30-31 Ogos 2024	50-80

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N21 Sungai Acheh</b>	Pertandingan Sepak Penalti 3 Lawan 3 Tertutup DUN Sungai Acheh	2 Mac 2024	96
	Program Gotong-royong Bubur Lambuk & Sumbangan Asnaf	26 Mac 2024	50
	Program Singgah Sahur	30 Mac 2024	30
	Santai Badminton bersama Belia Kadun Sungai Acheh	2 Mei 2024	30
	Ekspedisi Pendakian Gunung Kerunai	7-8 Jun 2024	30
	Santai Sepak Raga Tuju Dun Sg Acheh	17 Ogos 2024	60
<b>N22 Tanjong Bunga</b>	Kelas <i>Public Speaking</i>	4,18,25 Mei 2024	20
	Program Derma Darah	5 Mei 2024	44
	<i>Rock Climbing</i>	2 Jun 2024	30
	<i>Amazing Wonder</i>	7 September 2024	30
	<i>Toastmasters Class</i>	5 Oktober - 2 November 2024	30

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N23 Air Putih</b>	<i>Welcoming party for Community Class 2.0</i>	26 Mac 2024	43
	<i>Finance Education Community Class</i>	Setiap Hari Selasa	10-30
	<i>Georgetown Site Visit</i>	2 Jun 2024	15-20
	Jom Zero-Zero HIV	28 Julai 2024	20-30
	<i>Team Building in Escape Penang</i>	3 Ogos 2024	30
	Lawatan Tapak TNB	24 Ogos 2024	40
	<i>Game on! Board Game Bonanza</i>	19 Oktober 2024	20
	<i>Halloween Party</i>	26 Oktober 2024	40
<b>N24 Kebun Bunga</b>	Karnival Raya Madani 2024 Bersempena Hari Buruh	4 Mei 2024	350
	Edaran Bendera Malaysia Bersempena Sambutan Hari Kemerdekaan	24 Ogos 2024	60
	Karnival Rakyat Madani Parlimen Bukit Bendera	25 Ogos 2024	100
	Jelajah Belia 2024: Konvoi Anak Malaysia	7 September 2024	30
	<i>Treasure Hunt Hari Malaysia 2024</i>	15 September 2024	150

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N25 Pulau Tikus</b>	<i>Beginners Website Development Workshop</i>	28 Januari 2024	15
	Sesi Bermain Badminton Santai Bersama Belia	24 Febuari 2, 9, 16, 23 Mac 2024	37
	<i>Bake for a Cause: Cookies Workshop</i>	30 Mac 2024	21
	<i>Public speaking Workshop with Toastmasters oracle</i>	23 Jun 2024	15-30
	Bengkel Terrarium	27 Julai 2024	200
	Sesi Bermain Badminton Santai Bersama Belia	7,14,21 September 2024 dan 5 Oktober 2025	80
	Kursus Kaedah Pembayaran Cukai Untuk Belia	27 Oktober 2024	15-20
<b>N26 Padang Kota</b>	Pertandingan Bowling Belia Padang Kota 2024	27 April 2024	40
	Pengembaraan Memanah Belia Padang Kota	24 Ogos 2024	40

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N27 Pengkalan Kota</b>	JBPP Pengkalan Kota and Youth Retreat	13-14 Jan 2024	20
	Pengkalan Kota CNY 2024 <i>Lighting Ceremony</i>	2 Feb 2024	200
	Tanjong CNY <i>Open House</i>	16 Feb 2024	50
	Program Pendaftaran PADU Komuniti Madani 1.0	14 Mac 2024	10
	Program Pendaftaran PADU Komuniti Madani 2.0	17 Mac 2024	15
	Program Pendaftaran PADU Komuniti Madani 3.0	24 Mac 2024	20
	Penyampaian Beg Makanan Bulan Ramadhan	6 April 2024	100
	<i>Phyton Experience Class</i>	21 April 2024	30
	<i>Japanese Mathematic Class</i>	20 April 2024	30
	Pesta Kebudayaan Perayaan Perahu Naga	8 dan 9 Jun 2024	1000
	Program Lawatan ke KD Gagah Samudera dan KD Teguh samudera	22 Jun 2024	10
	Karnival Komuniti Jiwa Harapan	28 Julai 2024	80
	Pengkalan Kota ( <i>A place called silence</i> ) free movie screening	25 Ogos 2024	150

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N28 Komtar</b>	<i>CNY Yue Lao Event</i>	23 Febuari 2024	52
	<i>Cosworld Esports Festival</i>	23 - 24 Mac 2024	50
	<i>Crosstalk Performance</i>	21 April 2024	44
	<i>Dragon Boat Cultural Festival</i>	8-9 Jun 2024	30
	<i>Malaysia Board Game Design Competition 2024 (MYBOGADECO 2024)</i>	Dalam Pelaksanaan	Dalam Pelaksanaan
	<i>How To Train Youth Become Good Leader</i>	Dalam Pelaksanaan	Dalam Pelaksanaan
	<i>Pesta Tanglung Tanjong 2024</i>	15 September 2024	80-100
	<i>Blood Donation</i>	5 Oktober 2024	50

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
N30 Sungai Pinang	<i>Badminton Friendly Match</i>	27 Januari 2024	29
	Operasi Pemantauan dan Pembekalan Air (Gangguan Bekalan Air Berjadual)	10 - 11 Januari 2024	16
	Kempen Kesedaran Diabetes & Pemeriksaan Kesihatan	21 Januari 2024	40
	Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Parlimen Jelutong	22 Febuari 2024	200
	Program Bantuan Ramadhan & Iftar Bersama	07 April 2024	38
	Projek Penanaman Pokok Hutan Sempena Hari Bumi 2024	22 April 2024	25
	<i>Program Youth Engagement Session 1 "Youth and Democracy</i>	4 Mei 2024	22
	Hari Keluarga Kita Anak Sungai Pinang	2 Jun 2024	30
	<i>Apa Itu E-Invoice</i>	29 Jun 2024	15
	Tayangan Wayang " Sheriff Narko Integriti" Komuniti Madani	13 Julai 2024	15
	<i>The Sound of Young Minds: A Dialogue with Young Leaders</i>	13 Julai 2024	40

	Gotong-Royong & Pertandingan Mewarna Kanak-kanak Komuniti Madani	14 Julai 2024	25
	Program Perniagaan Xiao Hong Shu (XHS)	14 Julai 2024	15
	Tayangan Wayang " <i>No More Bets</i> " Komuniti Madani	23 Julai 2024	15
	Apa Itu <i>E- Invoice</i> (Versi Bahasa Malaysia)	27 Julai 2024	15
	<i>How To Use ChatGPT For Sales and Marketing</i>	4 Ogos 2024	25
	<i>Mastering META Ads Manager</i>	11 Ogos 2024	10
	Tayangan Wayang " <i>A Place Called Silence</i> "	25 Ogos 2024	70
	Merdeka Komuniti Madani Jalan Sungai Pinang	30 Ogos 2024	35
	Pesta Tanglung Komuniti Madani	6 September 2024	50
	YB Lim Siew Khim & CPS <i>Badminton Academy 3rd Badminton Tournament 2024</i>	26 dan 27 Oktober 2024	138

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N31 Batu Lancang</b>	<i>Youth Bowling Friendly Match 2024</i>	11 Ogos 2024	48
	<i>Tea Workshop 2024</i>	8 September 2024	12
	<i>Badminton Training Workshop 2024</i>	29 September 2024	90
<b>N32 Seri Delima</b>	Program Bengkel Seni Latte	13 April 2024	30
	Program Pelancaran Pickleball	11 Mei 2024	50
	<i>AI Film Craft</i>	1 Jun 2024	40
	<i>Human rights 101: Youth Advocacy and Action</i>	22 Jun 2024	40
	<i>The sound of young minds</i>	13 Julai 2024	40
	<i>Bonding over Bites and Joy</i>	4 Oktober 2024	40
<b>N33 Air Itam</b>	Bagaimana Menjadi seorang Ahli Majlis Pulau Pinang	8 Jun 2024	40
	<i>Health Talk: Reduce fat effectively with 3 proven method</i>	28 Julai 2024	50
	<i>Bowling Competition</i>	11 Ogos 2024	48
	<i>Blood Donation</i>	31 Ogos 2024	80

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
N34 Paya Terubong	Ceramah Cukai Pendapatan 1.0	14 April 2024	25
	Ceramah Cukai Pendapatan 2.0	21 April 2024	23
	Ceramah Cukai Pendapatan 3.0	28 April 2024	17
	<i>Mother's day celebration</i>	12 Mei 2024	100
	Perayaan Duan Wu " <i>Duan Wu Festival - Rice Dumpling Festival</i> "	9 Jun 2024	30
	Sempena Hari Keluarga " <i>Family's Day Celebration</i> "	16 Jun 2024	30
	Sempena Hari Bapa " <i>Father's Day Celebration</i> "	23 Jun 2024	30
	Bulan Menyinari Malaysia, Lampu Menerangi Paya Terubong	8 September 2024	30
	Kempen Derma Darah & Bengkel Pembuatan Sabun <i>Essential Oil</i>	16 September 2024	13
	Perayaan Pesta Tanglung	28 September 2024	45
<i>Predator is coming</i>	10 Oktober 2024	18	

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N35 Batu Uban</b>	<i>Home Cleanup Day</i>	28 April 2024	13
	JBPP & Penang FA 9-A-Side Football Championship	1 Mei 2024	208
	Penang FIBA 3x3 Challenger, Grassroot Tournament & Basketball Clinic 2024	28 Mei - 2 Jun 2024	280
	Program Kekeluargaan: Keluarga Harmoni, Keluarga Bahagia	7 Julai 2024	25
	Kempen Derma Darah Darah & Jom Ikrar Derma Organ	13 Julai 2024	16
	<i>Youth Innovators: AI For Bussiness</i>	18 Ogos 2024	50
	Karnival Madani Merdeka	25 Ogos 2024	500
<b>N36 Pantai Jerejak</b>	Program Keselamatan dan Kendalian Peralatan Bomba	8 Jun 2024	100
	Program Kekeluargaan: Keluarga Bahagia, Keluarga Harmoni	7 Julai 2024	100
	Program <i>Chess Tournament</i> DUN Pantai Jerejak	24 Ogos 2024	100-150
	2024 Futsal <i>Tournament</i> DUN Pantai Jerejak	25 Ogos 2024	112

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N37 Batu Maung</b>	<i>Friendly</i> Badminton Santai Belia Batu Maung	29 September 2024	40
<b>N38 Bayan Lepas</b>	Geng Muda Cuci Perpustakaan	3 Ogos 2024	30
	<i>Merdeka Street Soccer</i>	24 Ogos 2024	32
	Larian Sihat Jiwa Komuniti Madani	7 September 2024	185
	Jom Mengecat PDK Sg Batu	22 September 2024	50
	Hiking Bukit Gertak Sanggul	27 September 2024	50
	<i>Weight Loss Challenge in 91 Days</i>	29 September 2024	100
	<i>Bowling</i> Belia Bayan Lepas (Hari sukan Negara 2024)	13 Oktober 2024	80
<b>N39 Pulau Betong</b>	Program Pembelian Baju Raya kepada Golongan Asnaf	7 April 2024	20
	Program Balik Pulau Duri <i>Run Fun Run &amp; Fun Walk</i> 2024	6 Julai 2024	1500
	Sukan Rakyat Hari Malaysia 2024	16 September 2024	150

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N40 Telok Bahang</b>	<i>Beach cleaning &amp; sembang Santai</i> bersama pelajar RPPPJJ dengan kerjasama ahli majlis bandaraya Pulau Pinang	8 Mac 2024	45
	Anak Muda Jom Kejut Sahur & Sahur Bersama	23 Mac 2024	30
	Jelajah Belia 2024 Siri 2: Konvoi @ Balik Pulau	26 Mei 2024	50
	Karnival Belia Dun Teluk Bahang	27 Julai 2024	600
	Penyerahan Bendera jalur gemilang di sekolah sekitar teluk bahang sempena sambutan hari kebangsaan	20 Ogos 2024	9
	Dandanani diri-solekan "serlahkan keanggunanmu"	1 September 2024	50
	Kunjungan Hormat JBPP Teluk Bahang kepada agensi antidadah kebangsaan (AADK) Daerah Barat Daya	10 Oktober 2024	3

**SENARAI PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN YANG DILAKSANAKAN DI  
PERINGKAT NEGERI DAN KADUN BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA  
OKTOBER 2024**

<b>KADUN</b>	<b>Program</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Penyertaan</b>
<b>N09 Bagan Dalam</b>	Program Akar Umbi Untuk Sukan Kita: Klinik Silat 2024	20 Januari 2024	108
<b>N02 Bertam</b>	18th SPU Invitational Taekwondo Carnival Championship 2024	20 & 21 Januari 2024	350
<b>N25 Pulau Tikus</b>	Program Akar Umbi Untuk Sukan Kita Bersama Decathlon Penang 2024 <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bolasepak</li> <li>• Olahraga</li> <li>• Ping Pong</li> <li>• Tinju</li> <li>• Bola Keranjang</li> <li>• Memanah</li> <li>• Badminton</li> </ul>	25 Februari 2024	101
<b>N31 Batu Lanchang</b>	Kem Cari Bakat Sekolah Kebangsaan 12 Tahun ( <i>National Community Basketball Deveploment</i> )	27 April 2024	200
<b>N28 Komtar</b>	Klinik sukan E-Sport - Dota 2 anjuran MPKK Jalan Irving dan JBPP Komtar	4 - 5 Mei 2024	50
<b>N34 Paya Terubong</b>	Program Pencarian Bakat TID Akuatik Terjun	19 Mei 2024	138
<b>N36 Pantai Jerejak</b>	Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN bersama Hawa Pulau Pinang	7 September 2024	100

KADUN	Program	Tarikh	Penyertaan
<b>N37</b> <b>Batu</b> <b>Maung/</b>  <b>N31</b> <b>Batu</b> <b>Lanchang/</b>  <b>N16</b> <b>Perai/</b>  <b>N34</b> <b>Paya</b> <b>Terubong</b>	Karnival Bakat Kebangsaan Siri 3/2024 Pulau Pinang <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sukan Perahu Layar</li> <li>• Sukan Squash</li> <li>• Sukan Tenpin Boling</li> <li>• Sukan Akuatik Renang &amp; Terjun</li> </ul>	23- 26 Oktober 2024	799
<b>N18</b> <b>Bukit</b> <b>Tambun</b>	Program Kenal Pasti Bakat bersama Decathlon <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sukan Ping Pong</li> <li>• Sukan Angkat Berat</li> <li>• Sukan Berbasikal</li> <li>• Sukan Memanah</li> </ul>	26 Oktober 2024	150

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

27. Bagaimanakah kerajaan memastikan bahawa bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan?
- (a) Adakah terdapat sebarang inisiatif atau program baharu yang dirancang untuk meningkatkan bantuan kepada golongan terpinggir?
  - (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bantuan yang tersedia?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri sentiasa komited memastikan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan. JKM menyediakan bantuan kewangan Persekutuan dan Negeri kepada golongan miskin mengikut syarat Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan syarat khusus skim bantuan yang terlibat. Kadar Pendapatan Per Kapita (PPK) semasa bagi bantuan Persekutuan adalah RM322.00 manakala kadar PPK bagi Negeri Pulau Pinang adalah RM260.00. Kadar PPK Negeri akan dinaikkan kepada RM322.00 berkuat kuasa 1 Januari 2025.

Bagi setiap permohonan bantuan yang diterima, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan proses permohonan dengan menerima, menyiasat dan memaklumkan keputusan permohonan dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.

- (a) Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan mengenai inisiatif atau program baharu buat tempoh sekarang. Namun begitu, program-program bantuan Kerajaan Negeri yang sedia ada seperti Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES), bayaran penghargaan i-Sejahtera, program Mutiara Food Bank, subsidi dialisis, elaun penarik beca dan sebagainya masih diteruskan disamping bantuan-bantuan lain daripada Kerajaan Pusat.
- (b) Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Parlimen, Pegawai Penyelaras KADUN (PPK), Jabatan-jabatan Negeri, Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) dan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP) sentiasa prihatin dan menyantuni komuniti setempat menerusi program/ aktiviti yang diadakan. Program/ aktiviti seperti ini digunakan sebagai platform untuk menghebahkan dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bantuan yang disediakan oleh kerajaan.

Selain itu, pendekatan yang digunakan untuk memantau kemiskinan dan menyampaikan maklumat mengenai bantuan oleh Agensi Pemberi Bantuan adalah menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Kesejahteraan Rakyat sama ada di peringkat negeri (FGN) mahupun di peringkat daerah (FGD) selaras dengan Arahan No.1 2023: "Mekanisme Penyelaras Pelaksanaan Pembangunan Negara". FGN yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) berfungsi dalam menyelaras pelaksanaan dasar, merangka strategi dan program kesejahteraan rakyat kepada kumpulan sasar di peringkat negeri. Manakala, FGD yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah berfungsi dalam melaksanakan dasar serta program kesejahteraan rakyat, menyelaras dan memantau perancangan dan pelaksanaan program kemiskinan di samping menyediakan profil dan maklumat kumpulan sasar di peringkat daerah. Mesyuarat Jawatankuasa FGD melibatkan keahlian daripada Ahli Parlimen, ADUN, PPK dan jabatan/ agensi yang berperanan dalam menyelaras program bantuan kepada masyarakat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

28. Apakah strategi kerajaan dalam memajukan sektor pertanian untuk meningkatkan hasil pertanian dan memastikan keselamatan makanan di negeri ini?
- (a) Apakah bentuk sokongan yang diberikan kepada petani tempatan seperti bantuan kewangan, latihan atau akses kepada teknologi moden?
  - (b) Bagaimanakah kerajaan merancang untuk menguruskan sumber air bagi pertanian terutamanya dalam menghadapi perubahan iklim?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Bagi meningkatkan hasil pertanian serta memastikan keterjaminan makanan di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) melaksanakan program seperti berikut:
- (i) Pemberian insentif bersasar;
  - (ii) Melaksanakan aplikasi teknologi di lapangan atau plot petani;
  - (iii) Melaksanakan pembangunan kapasiti dengan membangunkan tenaga kerja terlatih dalam sektor agromakanan;
  - (iv) Membangunkan ladang contoh untuk dijadikan rujukan kepada petani dan usahawan muda; dan

- (v) Menjalinkan kerjasama strategik dengan pemain industri di sepanjang rangkaian pengeluaran.
- (a) Kerajaan Negeri sentiasa memberikan sokongan kepada petani tempatan dengan menyalurkan bantuan seperti berikut:
  - (i) Menyediakan insentif bantuan bagi pembangunan projek pertanian yang melibatkan tanaman makanan seperti padi, buah, sayur dan lain-lain tanaman;
  - (ii) Menyediakan kemudahan kewangan seperti pinjaman pertanian berfaedah rendah oleh Agrobank dan pinjaman mikro-kredit Tabung Usahawan Tani (TUT) yang menawarkan pinjaman tanpa faedah;
  - (iii) Menyediakan Geran Agroprenuer Muda (GAM) yang dibiayai oleh pihak Kerajaan Persekutuan; dan
  - (iv) Menyediakan kursus/latihan bagi meningkatkan kemahiran untuk petani sedia ada dan juga sesi kursus untuk individu-individu yang baru menceburi bidang pertanian. Bagi tahun 2024, sebanyak enam (6) kursus telah dilaksanakan iaitu Kursus Teknologi Fertigasi Meja, Teknologi *Nutrient Film Technique* (NFT), Teknologi Kelapa, Teknologi Tanaman Cendawan, Penyediaan Baja Untuk Fertigasi dan Teknologi Pengawetan Makanan.
- (b) Bagi pengurusan sumber air pertanian terutama dalam menghadapi perubahan iklim, pihak DOA sentiasa menggalakkan penggunaan teknologi moden seperti penggunaan sistem *Internet of Things* (IoT) yang digunakan pada tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Selain itu, penggunaan mekanisasi dalam pertanian turut digalakkan melalui pemberian insentif beberapa dron dan traktor untuk kegunaan koperasi-koperasi yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVI)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB KUMARAN KRISHNAN**

29. Bolehkah Kerajaan Negeri menjadikan Klinik Kesihatan (KK) Butterworth beroperasi 24 jam memandangkan keperluan penduduk bertambah dan hospital bersebelahan iaitu Hospital Seberang Jaya sentiasa sibuk?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Buat masa ini, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) tiada perancangan untuk melanjutkan waktu operasi Klinik Kesihatan Butterworth kerana kekangan anggota kesihatan dan juga kewangan bagi pengoperasian di luar waktu pejabat.

Klinik Kesihatan merupakan Pusat Rawatan Primer iaitu pusat yang menyediakan rawatan untuk pesakit kronik yang stabil, perawatan ibu hamil dan pemantauan perkembangan kanak-kanak serta imunisasi, penyakit ringan dan pemeriksaan kesihatan asas.

Klinik Kesihatan lebih menumpukan kepada pencegahan penyakit dan kelestarian kesihatan awam. Hospital pula merupakan Pusat Rawatan Sekunder dan Tertier yang mana menyediakan perawatan kecemasan dan kepakaran. Kesibukan di hospital ialah kerana beban pesakit yang memerlukan rawatan kecemasan dan kepakaran yang tinggi serta tidak boleh diambil alih oleh klinik kesihatan.

## LAMPIRAN A

## PROGRAM-PROGRAM KEUSAHAWANAN SEPANJANG TAHUN 2024

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
1	Bengkel Kesedaran dan Bimbingan Halal Usahawan Madani 2024 (dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (KUSKOP))	19 & 20 Februari 2024	Olivetree Hotel, Bayan Baru Pulau Pinang	78	35,775.00	PDC
2	Kursus Perakaunan dan Percukaian	25 April 2024	PDC	80	22,067.00	
3	Program Jerayawara/ Taklimat bergerak Pembiayaan Perniagaan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) 2024 (dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB))	13 Jun 2024	Eastin Hotel, Pulau Pinang	102	6,075.00	
4	Program Hari Ekspert Pulau Pinang 2024 (dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE))	22 & 23 Julai 2024	Hotel Olive Green, Bayan Lepas	160	29,842.00	
5	Program Tembus Pasaran Digital	14 & 15 Ogos 2024	Eastin Hotel, Pulau Pinang	34	12,744.00	
6	Malaysia <i>International Halal Showcase</i> (MIHAS)	17-20 September 2024	MITEC Malaysia International Trade and Exhibition Centre Kuala Lumpur	2	10,500.00	
7	Kursus Kepintaran Buatan (AI) untuk perniagaan & Kursus Tik Tok untuk perniagaan (dengan kerjasama MDEC)	23 & 24 Oktober 2024	Eastin Hotel, Pulau Pinang	114	38,232.00	
8	Kursus Pembungkusan, Pelabelan dan Penjenamaan (dengan kerjasama SIRIM)	Disember 2024	-	Sasaran 90	-	
9	Karnival Usahawan Sempena Jelajah Halal Pulau Pinang	28 – 30 Jun 2024	CMART Premium Bandar Tasek Mutiara	15	RM10,430.58	PHI

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
10	Bootcamp Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 1.0 dengan kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang	16 – 18 Ogos 2024	Bukit Jawi Golf Resort	130	Peruntukan ICU	
11	<i>Embarking on Halal Premium: A 1-Day Booth Camp Journey to MIHAS 2024</i> , PREMIUM HALAL PENANG dengan kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang	25 Ogos 2024	The Grand Mulia	32	Peruntukan ICU	
12	Taklimat Bimbingan Kecemerlangan Halal Pulau Pinang Dengan Kerjasama Zakat Pulau Pinang	30 September 2024	Kompleks Darul Hidayah	50	Peruntukan Zakat	
13	Taklimat Bimbingan Kecemerlangan Halal Pulau Pinang dengan kerjasama Zakat Pulau Pinang	14 Oktober 2024	Dewan Utama MPKK, Jalan Tenggiri, Seberang Jaya	50	1,310.00	
14	<i>Boot camp</i> Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2.0 dengan kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang	4 – 6 November 2024	Hotel Raia Inn	150	Peruntukan ICU	
15	Penyertaan Dalam Acara MIHAS 2024	17 – 20 September 2024	MITEC, Kuala Lumpur	5	53,013.76	
16	Penyertaan Dalam Acara SELHAC	16 – 19 Oktober 2024	KLCC	4	65,939.50	
17	<i>Penang International Halal Expo 2024 (PIHAX)</i>	5-8 Disember 2024	Tapak Gravitas, Jalan Baru	-	-	
18	Penang <i>Women's Entrepreneur</i> Program (PenMentor)	10 November 2024 - Januari 2025	-	100	10,000.00	PWDC
19	Forum Sumber-Sumber Dana dan Bantuan Usahawan Wanita	13 Disember 2024	-	100	5,000.00	
20	Pertandingan Keusahawanan Belia	11 Jun 2024 hingga 26 Oktober 2024	-	238	36,088.00	
21	Bengkel Platform e-Dagang	20 Julai 2024	-	68	-	
22	Bengkel <i>Retailing &amp; Best Practices</i>	20 Julai 2024	-	56	-	
23	Bengkel Harta Intelek (Tanda Dagang & Pattern)	27 Julai 2024	-	38	-	
24	Bengkel Kewangan & Pembiayaan Perniagaan	27 Julai 2024	-	38	-	
25	Kursus Masakan Pembuatan Maruku	Sepanjang Tahun 2024	Daerah Barat Daya	180	35,230.00	PDTDBD
26	Kursus Masakan Pembuatan Kek Tapak Kuda					

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
27	Bengkel Pengurusan Kewangan dan Pemasaran Digital					
28	Kursus Masakan Pembuatan <i>Soft Cookies</i>					
29	Kursus Masakan Pembuatan Tart Telur, Tart Telur Portugis dan Tart Bakar Hokkaido					
30	Kursus Pemasangan <i>Stone Plastic Composite Flooring</i>					
31	Kursus Peniagaan Borong China					
32	Kursus <i>Tik Tok Content Creator, Business and Tik Tok Shop</i>			33	9,850.00	
33	Kursus Pembuatan Roti Canai, Murtabak dan Roti Bom	Sepanjang Tahun 2024	Daerah Timur Laut	25	6,380.00	PDTDTL
34	Kursus Asas Pembuatan Losyen Sun Burn dan Serum			30	7,380.00	
35	Kursus Asas Pembuatan Minyak Wangi dan Losyen Tangan			25	7,380.00	
36	Kursus Penghasilan Pelbagai Jenis Biskut ( <i>Hands On</i> )			06 Mac 2024	Dewan Seri Mertajam, Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah	
37	Kursus <i>Chocolate Bouquet With Fresh Flower And Fruit Bouquet (Box)</i>	25 Mei 2024	Kolej Komuniti Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	25	7,315.00	PDTSPT
38	Kursus Pembuatan Roti & Kek ( <i>Hands On</i> )	08 Jun 2024	Dewan Seri Mertajam, Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah	25	4,915.00	
39	Kursus Gubahan Bunga Hiasan	17 Ogos 2024	Kolej Komuniti Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	25	8,830.00	

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
40	Kursus Jahitan Baju Abaya	02 November 2024	Kolej Komuniti Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	23	4,870.00	
41	Kursus <i>Barbershop</i>	Sepanjang Tahun 2024	Daerah Seberang Perai Utara	20	6,000.00	PDTSPU
42	Kursus Asas Jahitan (Pakaian dan Langsir)		Daerah Seberang Perai Utara	30	8,000.00	
43	Kursus Penghasilan Kek dan Pastrri		Daerah Seberang Perai Utara	30	7,000.00	
44	Kursus Pembuatan Roti Canai dan Murtabak		Daerah Seberang Perai Utara	28	6,000.00	
45	Kursus Tanaman Cendawan Tiram Kelabu		Daerah Seberang Perai Utara	30	8,000.00	
46	Kursus Penghasilan Sabun Cecair Pencuci Pinggan Mangkuk dan Pakaian		Daerah Seberang Perai Utara	43	5,000.00	
47	Penyertaan Ke Sabah <i>International Food Expo</i> (SIFEX)	8-10 Mac 2024	Sabah International Convention Center	20 usahawan	61,840.00	PERDA & PEJ YB DATO' RASHIDI
48	Program Pemerksaan Ekonomi Usahawan B40 Bumiputera Pulau Pinang 2024	25 Mei 2024	Tasek Gelugor	300	10,000.00	PERSATUAN PENJAJA & PENIAGA KECIL TASEK GELUGOR
49	<i>Market place @KOMTAR</i>	BERKALA (2x sebulan)	KOMTAR	25 peniaga kecil setiap sesi	10,000.00	PEJ. YB DATO' RASHIDI
50	Jelajah Usahawan Jalur Gemilang	17&18 Ogos 2024	Kompleks Bukit Jambul	50 usahawan	12,384.00	PEJ. YB DATO' RASHIDI
51	Tajaan Program Festival Chowrasta <i>Walk</i> 2024	Disember 2024	Pasar Chow Rasta	40 usahawan	10,000.00	GERBANG MALAM
52	Tajaan Program Gerbang Malam Bandar Perda	Hujung Minggu	PERDA	60	10,000.00	
53	Tajaan Program Startup Biz Keusahawanan TVET POLYCC	2-4 Oktober 2024	KOMTAR	100	5,000.00	EIA ACADEMY SDN BHD

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
54	Tajaan Program <i>Life style preneurship</i> 5.0	14-15 September 2024	Prangin Mall	350	10,000.00	E3 LIFESTYLE SDN BHD
55	Tajaan Program Bicara Niaga (Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil)	27 September 2024	Seberang Jaya	80 usahawan kecil	10,000.00	PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU
56	Tajaan bagi Jualan Agro Madani Usahanita Pulau Pinang	18 Ogos 2024	Majlis Daerah Barat Daya	100	10,000.00	USAHANITA & FAMA
57	Tajaan Peruntukan Program <i>Cash Voucher</i> Melalui Bayaran AP58	Ogos 2024	Kompleks Bukit Jambul	60	20,000.00	KOMPLEKS BUKIT JAMBUL
58	Tajaan 10 Booth Usahawan Pavilion EXPO Midtown Perda (EXPERT) -Hiasan Booth	26-29 September 2024	Midtown PERDA	10 usahawan	2,500.00	PERDA
59	Penyertaan Usahawan Ke Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK) Peringkat Kebangsaan 2024	1-3 November 2024	Butterworth Arena	15 usahawan	30,000.00	KUSKOP
60	Tajaan Penyertaan Usahawan Pesta Pulau Pinang 2024/2025	21 Disember 2024 – 2 Februari 2025	Tapak Pesta Sungai Nibong	30 usahawan	30,000.00	PEJ, YB DATO HJ RASHIDI
61	Tajaan program Karnival Transformasi Usahawan Tasek Gelugor	7 Disember 2024	SMK Desa Murni	20 usahawan	10,000.00	PERSATUAN PENJAJA & PENIAGA KECIL TASEK GELUGOR
62	Jelajah Penang Day	2 bulan sekali	6 negeri	30 usahawan	140,000.00	FAMA
63	Tajaan Program Pemantapan Usahawan Seri Delima (USD) 1.0	18 & 19 November 2024	Dewan MPKK Sungai Gelugor	100	5,000.00	MPKK Seri Delima
64	Program Seminar Keusahawanan Ibu Tunggal DUN Sungai Acheh	16 November 2024	SK Sungai Setar	500	20,000.00	PUSAT KADUN SUNGAI ACHEH
65	Jelajah Taklimat Usahawan Pulau Pinang	30 November 2024	PPK Sungai Acheh	15 agensi kerajaan	20,000.00	PDTSPS

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(III)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

30. Apakah jenis dan kawasan jenayah yang paling kerap berlaku di KADUN Batu Uban dalam tahun terkini?
- (a) Bolehkah Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberikan maklumat mengenai penangkapan atau pendakwaan yang telah dilakukan berkaitan dengan kes jenayah di KADUN Batu Uban bagi tahun 2024?
  - (b) Apakah perancangan PDRM untuk meningkatkan keselamatan di KADUN Batu Uban?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

30. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga Oktober 2024, trend jenayah yang paling banyak berlaku adalah jenayah curi (jenayah harta benda) mencatatkan sebanyak 79 kes, diikuti dengan curi motosikal sebanyak 29 kes. Lokasi yang menjadi tumpuan kes sebegini adalah di kawasan pasaraya yang terdiri dari 28 kes dan kawasan kediaman sebanyak 26 kes.
- (a) Sebanyak 94 kes telah dituduh di mahkamah melibatkan *report* Sungai Nibong sepanjang tahun 2024 (pelbagai seksyen kesalahan).
  - (b) Bagi meningkatkan keselamatan di KADUN Batu Uban, pihak PDRM telah merancang pelbagai strategi seperti berikut:-
    - (i) Bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi penandaan kawasan *blackspot* untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai

pencegahan jenayah. Penandaan / makluman berdasarkan kawasan yang dikenal pasti kawasan *blackspot*;

- (ii) Pemutihan kawasan *blackspot* dengan rondaan cegah jenayah yang lebih kerap bagi kawasan tersebut. Pihak PBT dan PDRM boleh bekerjasama dalam program pemutihan kawasan tersebut;
- (iii) Mempertingkatkan pencegahan jenayah di peringkat Balai Sungai Nibong. Pemakluman awal berkaitan dengan pencegahan jenayah boleh disampaikan kepada masyarakat melalui kaunter aduan Balai Polis Sungai Nibong mahupun anggota rondaan;
- (iv) Mengadakan operasi berterusan dari peringkat Jabatan Siasatan Jenayah bersama dengan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD Timur Laut) terutamanya Balai Sungai Nibong untuk meningkatkan pencegahan jenayah; dan
- (v) Tindakan pencegahan oleh pihak polis dan kesedaran kepada orang awam berkaitan kejadian jenayah yang berlaku kepada semua lapisan masyarakat.